

PRINSIP PERAKAUNAN

KOLEKSI SOALAN KERTAS 2

PEPERIKSAAN SEBENAR

SPM

TAHUN 2010 - 2019

DISUSUN SECARA TOPIKAL

NAMA PELAJAR : _____

KELAS : _____

DISUSUN OLEH : CIKGU AIDA & CIKGU SURIA



MODUL 1 : PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN

SPM 2013

SOALAN NO.1(b)

Nyatakan prinsip dan andaian perakaunan yang diamalkan bagi setiap situasi di bawah:

- (i) Pemilik menjelaskan bil elektrik rumahnya tetapi tidak direkodkan di dalam buku perniagaannya. [1 markah]
- (ii) Penyata kewangan bagi perniagaan cekal telah disediakan berdasarkan semua urus niaga yang berlaku sepanjang 1 April 2012 hingga 31 Mac 2013.

SPM 2015

SOALAN NO. 1(a)

Nyatakan prinsip perakaunan bagi situasi berikut:

- (i) Diskaun diterima RM200 telah didebitkan dalam Akaun Belum Bayar dan dikreditkan dalam Akaun Diskaun Diterima.
- (ii) Pada tahun berakhir 31 Mac 2015, nilai buku bersih bagi tanah dan premis ialah RM100 000 tetapi nilai pasaran semasa ialah RM250 000. Nilai yang dilaporkan dalam penyata kewangan ialah RM250 000' [2 markah]

SPM 2018

SOALAN NO.1(a)

Penyata kewangan mesti disediakan dalam tempoh yang ditetapkan dan boleh difahami oleh pengguna kewangan.

Nyatakan dua ciri kualitatif penyata kewangan berkenaan. [2 markah]

SOALAN NO.1(c)

Lengkapkan jadual berikut.

Peringkat dalam Kitaran Perakaunan	Keterangan
(i)	Menyediakan jurnal am, jurnal khas, Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit
(ii)	Menyemak ketepatan catatan bergu

[2 markah]

SPM 2019

SOALAN NO. 1(a)

Perabot Bakar Enterprise membeli sebuah kenderaan bernilai RM40 000 pada tahun 2014. Susut nilai kenderaan dikira pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, kenderaan direkodkan pada harga asal walaupun nilainya telah berkurang.

Nyatakan prinsip perakaunan yang diamalkan oleh Perabot Bakar Enterprise.

[2markah]

MODUL 2 :

KLASIFIKASI AKAUN & PERSAMAAN PERAKAUNAN

SPM 2011

SOALAN NO.1(a)

Nyatakan satu akaun kontra dalam setiap pernyataan kewangan berikut:

Penyata Kewangan	Akaun Kontra
Penyata Pendapatan	
Penyata Kedudukan Kewangan	

[2 markah]

SOALAN NO.1(b)

Nyatakan akaun yang didebit dan dikredit dalam urus niaga berikut :

Membayar insurans rumah kediaman dengan cek perniagaan.

[2 markah]

SPM 2012

SOALAN NO.1(b)

Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikredit bagi urus niaga berikut :

Membeli perabot pejabat dan dibayar dengan tunai.

[2 markah]

SOALAN NO. 4

Encik Daud memulakan perniagaan DON Enterprise pada 1 Januari 2012 dengan membawa masuk aset berikut :

	RM
Perabot	3 000
Kenderaan	37 000
Tunai di bank	12 000

Urusniaga berikut berlaku sepanjang bulan Januari 2012.

- (i) Beli barang niaga secara kredit RM3 500
- (ii) Bayar sewa dengan cek RM600
- (iii) Jual barang niaga berkos RM800 secara kredit pada harga RM1 900
- (iv) Menjelaskan Akaun Belum Bayar dengan cek RM2 850 dan terima diskaun RM150
- (v) Terima cek dari pelanggan berjumlah RM1 270
- (vi) Pemilik membawa masuk tunai RM3 000 ke dalam perniagaan dan dibankkan
- (vii) Sekeping cek yang diterima daripada pelanggan RM507 telah dipulangkan oleh bank dengan bertanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'
- (viii) Pemilik telah mengeluarkan cek RM610 untuk kegunaan peribadi
- (ix) Pinjaman bank RM5 000 telah dikreditkan ke dalam akaun bank perniagaan

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Jadual Persamaan Perakaunan mengikut format seperti di bawah.

[13 markah]

	Aset					= Liabiliti		+ Ekuiti pemilik		
	Perabot	Kenderaan	Bank	Akaun belum terima	Inventori	Akaun belum bayar	Pinjaman	Modal	Ambilan	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Januari 2012.

[7 markah]

SPM 2013

SOALAN NO.1(c)

Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikredit bagi setiap urus niaga berikut:

- (i) Menjual barang niaga secara kredit kepada Raju. [1 markah]
- (ii) Membeli perabot secara tunai untuk kegunaan perniagaan [1 markah]

SOALAN NO.1(d)

Berikan satu contoh akaun bagi setiap yang berikut :

- (i) Akaun nominal [1 markah]
- (ii) Akaun nyata [1 markah]

SPM 2015

SOALAN NO.5

Kaji maklumat berikut yang diperoleh daripada buku perniagaan Seri Perpatih Enterprise pada 30 September 2015.

	RM
Kenderaan	24 500
Lengkapan	9 500
Inventori	18 200
Ak Belum Terima	2 000
Tunai di Bank	5 270
Ak belum bayar	1 750
Sewa belum bayar	1 500
Modal	56 220

Urus niaga dalam bulan Oktober 2015 adalah seperti berikut.

- i) Pemilik membayar sewa, termasuk Sewa Belum Bayar dengan cek RM3 000
- ii) Menjual barang niaga berkos RM1 270 dengan harga RM1 520
- iii) Membeli barang niaga RM3 250 secara kredit
- iv) Pemilik membawa masuk tunai RM4 000 sebagai modal tambahan dan dibankkan
- v) Terima cek bernilai RM1 900 daripada Ak Belum Terima untuk menjelaskan semua hutangnya
- vi) Pemilik mengeluarkan RM220 dari akaun bank untuk kegunaan sendiri.

Anda dikehendaki:

- (a) Merekod urus niaga bulan Oktober dalam jadual di Lampiran B. [15 markah]
 (b) Menghitung modal akhir Seri Perpatih Enterprise pada 31 Oktober 2015. [5 markah]

Lampiran B

Urus Niaga	Aset					= Liabiliti		+ Ekuiti pemilik			
	Kenderaan	Lengkapan	Bank	Ak Belum Terima	Inventori	Akaun Belum Bayar	Sewa Belum Bayar	Modal	Hasil	Belanja	Ambilan
Baki	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
i)											
ii)											
iii)											
iv)											
v)											
vi)											
Jumlah											

SPM 2016**SOALAN NO.1(a)**

Kenal pasti akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan dalam urus niaga berikut:

Pemilik telah mengambil barang niaga RM850 daripada perniagaannya untuk didermakan kepada rumah jagaan orang tua.

[2 markah]

SOALAN NO.1(b)

Apakah yang dimaksudkan dengan hasil bukan operasi yang terdapat dalam Akaun Untung Rugi? Berikan contoh.

[2markah]

SPM 2017**SOALAN NO.1(b)**

Carta akaun berikut digunakan oleh Medan Enterprise dalam penyimpanan akaun perniagaan.

Kod Item	Jenis Akaun
1 000 / 000	Aset bukan semasa
2 000/ 000	Aset semasa
3 000/ 000	Liabiliti bukan semasa
4 000/ 000	Liabiliti semasa
5 000/ 000	Hasil
6 000/ 000	Belanja

Cadangkan Kod Item bagi Akaun Kenderaan dan Akaun Alat Tulis.

[2 markah]

SOALAN 5 (a)

Maklumat berikut yang diperoleh daripada buku perniagaan Doilly Enterprise pada 1 Mac 2017.

	RM
Perabot	2 250
Inventori	6 000
Ak Belum Terima	4 210
Tunai di Bank	7 245
Modal	14 649
Untung bersih	1 244
Ak belum bayar	3 812

Urus niaga dalam bulan Mac adalah seperti berikut.

- 3 Sekeping cek RM1 250 yang diterima daripada Ak Belum Terima telah dipulangkan oleh bank ditanda "Baki tidak mencukupi"
- 7 50% daripada inventori barang niaga dijual dengan harga RM3 500. Cek diterima untuk urus niaga ini
- 13 Membayar kepada Ak Belum Bayar dengan cek RM2 720 bagi menyelesaikan hutang RM2 900
- 15 Membeli barang niaga secara kredit daripada MZ Trading RM2 100
- 17 Memulangkan barang niaga kepada MZ Trading sebanyak RM100 kerana salah jenama
- 19 Menerima komisen RM800 untuk komisen
- 21 Membayar sewa kedai RM550 dengan menggunakan cek peribadi
- 25 Pemilik mengambil meja pejabat RM150 untuk kegunaan anaknya

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan di Lamiran B untuk menunjukkan kesan urus niaga pada bulan Mac 2017. [12 markah]

Lampiran B

Tarikh	Perabot	Inventori	Akaun Belum Terima	Bank	Modal	Untung Bersih	Ambilan	Akaun Belum Bayar
2017 Mac	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM

SPM 2018**SOALAN NO.1(b)**

Apakah kesan urus niaga berikut kepada persamaan perakaunan?

Beli barang niaga secara kredit RM560 daripada Din Enterprise.

[2markah]

SPM 2019**SOALAN NO. 1(b)**

Tentukan sama ada catatan bergu untuk akaun berikut benar atau palsu.

- | | | |
|------|---|---------------|
| (i) | Debitkan akaun aset, apabila aset bertambah | Benar / Palsu |
| (ii) | Kreditkan akaun hasil , apabila hasil berkurang | Benar / Palsu |

[2markah]

MODUL 3 :

DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT

SPM 2013

SOALAN 4 (a)

Encik Junaidi adalah pemilik Kedai Elektrik Junaidi. Dokumen berikut diperoleh daripada perniagaan beliau sepanjang bulan April 2020.

ASAL		NO.: 8613																												
INVOIS																														
SYARIKAT NECO SDN. BHD.																														
44, Jalan Dr. Ismail 70400 Seremban, Negeri Sembilan																														
Tel.: 06-6785110																														
Tarikh: 3 April 2012																														
Kepada: Kedai Elektrik Junaidi Lot 10, Plaza Perangsang 40400 Shah Alam Selangor																														
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bil.</th><th style="text-align: center;">Butir</th><th style="text-align: center;">Kuantiti (Unit)</th><th style="text-align: center;">Harga Seunit</th><th style="text-align: center;">Jumlah</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td><td>Periuk nasi</td><td style="text-align: center;">10</td><td style="text-align: center;">RM 50.00</td><td style="text-align: center;">RM 500.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td><td>Kipas meja</td><td style="text-align: center;">10</td><td style="text-align: center;">35.00</td><td style="text-align: center;">350.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td><td>Televisyen 42 inci</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">1 000.00</td><td style="text-align: center;">5 000.00</td></tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right; padding-right: 10px;">Tolak: Diskaun niaga 10 %</td><td style="text-align: center;">5 850.00 585.00</td></tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right; padding-right: 10px;"></td><td style="text-align: center;">Jumlah 5 265.00</td></tr> </tbody> </table>	Bil.				Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah	1	Periuk nasi	10	RM 50.00	RM 500.00	2	Kipas meja	10	35.00	350.00	3	Televisyen 42 inci	5	1 000.00	5 000.00	Tolak: Diskaun niaga 10 %				5 850.00 585.00		
Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah																										
1	Periuk nasi	10	RM 50.00	RM 500.00																										
2	Kipas meja	10	35.00	350.00																										
3	Televisyen 42 inci	5	1 000.00	5 000.00																										
Tolak: Diskaun niaga 10 %				5 850.00 585.00																										
				Jumlah 5 265.00																										
(Ringgit Malaysia: Lima ribu dua ratus enam puluh lima sahaja)																														
<i>Syarat : 10 % 7 hari, 5 % 15 hari</i> <i>Serahan : Angkutan di bayar</i> <i>K & K di K</i>																														
Penerima <i>Junaidi</i>		Pengurus <i>Tony</i>																												

Dokumen 1

SALINAN		NO.: 5001																							
KEDAI ELEKTRIK JUNAIDI																									
Lot 10, Plaza Perangsang 40400 Shah Alam Selangor																									
Tel.: 03-55103669																									
INVOIS																									
Tarikh: 8 April 2012																									
Kepada: Restoran dan Bistro Salam 143, Jalan Orkid 48000 Rawang Selangor																									
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bil.</th><th style="text-align: center;">Butir</th><th style="text-align: center;">Kuantiti (Unit)</th><th style="text-align: center;">Harga Seunit</th><th style="text-align: center;">Jumlah</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td><td>Periuk nasi</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">RM 100.00</td><td style="text-align: center;">RM 500.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td><td>Televisyen 42 inci</td><td style="text-align: center;">3</td><td style="text-align: center;">2 700.00</td><td style="text-align: center;">8 100.00</td></tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right; padding-right: 10px;">Tolak: Diskaun niaga 2 %</td><td style="text-align: center;">8 600.00 172.00</td></tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right; padding-right: 10px;"></td><td style="text-align: center;">Jumlah 8 428.00</td></tr> </tbody> </table>	Bil.				Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah	1	Periuk nasi	5	RM 100.00	RM 500.00	2	Televisyen 42 inci	3	2 700.00	8 100.00	Tolak: Diskaun niaga 2 %				8 600.00 172.00		
Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah																					
1	Periuk nasi	5	RM 100.00	RM 500.00																					
2	Televisyen 42 inci	3	2 700.00	8 100.00																					
Tolak: Diskaun niaga 2 %				8 600.00 172.00																					
				Jumlah 8 428.00																					
(Ringgit Malaysia: Lapan ribu empat ratus dua puluh lapan sahaja)																									
<i>Syarat : 5 % 10 hari</i> <i>K & K di K</i>																									
Penerima <i>Mimi</i>		Pengurus <i>Junaidi</i>																							

Dokumen 2

ASAL	INVOIS			NO.: 2033																				
KIM FURNITURE No. 23 & 24, Jalan Sultan 41000 Klang, Selangor Tel.: 03-33932115																								
Tarikh: 10 April 2012																								
Kepada: Kedai Elektrik Junaidi Lot 10, Plaza Perangsang 40400 Shah Alam Selangor																								
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Butir</th> <th>Kuantiti (Unit)</th> <th>Harga Seunit</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Kabinet pejabat</td> <td>1</td> <td>RM 5 000.00</td> <td>RM 5 000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Tolak: Diskaun niaga 5 %</td> <td>250.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Jumlah</td> <td>4 750.00</td> </tr> </tbody> </table>					Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah	1	Kabinet pejabat	1	RM 5 000.00	RM 5 000.00	Tolak: Diskaun niaga 5 %				250.00	Jumlah				4 750.00
Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah																				
1	Kabinet pejabat	1	RM 5 000.00	RM 5 000.00																				
Tolak: Diskaun niaga 5 %				250.00																				
Jumlah				4 750.00																				
(Ringgit Malaysia: Empat ribu tujuh ratus lima puluh sahaja)																								
Syarat : 10 % 7 hari, 5 % 15 hari																								
<i>K & K di K</i>																								
Penerima <i>Junaidi</i>			Pengurus <i>Kim</i>																					

Dokumen 3

SALINAN	INVOIS			NO.: 1387																				
KEDAI ELEKTRIK JUNAIDI Lot 10, Plaza Perangsang 40400 Shah Alam Selangor Tel.: 03-55103669																								
NOTA KREDIT																								
Tarikh: 12 April 2012																								
Kepada: Restoran dan Bistro Salam 143, Jalan Orkid 48000 Rawang Selangor																								
Akaun anda telah dikreditkan seperti berikut:																								
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Butir</th> <th>Kuantiti (Unit)</th> <th>Harga Seunit</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Periuk nasi</td> <td>2</td> <td>RM 100.00</td> <td>RM 200.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Tolak: Diskaun niaga 2 %</td> <td>4.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Jumlah</td> <td>196.00</td> </tr> </tbody> </table>					Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah	1	Periuk nasi	2	RM 100.00	RM 200.00	Tolak: Diskaun niaga 2 %				4.00	Jumlah				196.00
Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah																				
1	Periuk nasi	2	RM 100.00	RM 200.00																				
Tolak: Diskaun niaga 2 %				4.00																				
Jumlah				196.00																				
(Ringgit Malaysia: Satu ratus sembilan puluh enam sahaja)																								
Pengurus <i>Junaidi</i>																								

Dokumen 4

ASAL	INVOIS			NO.: 5369																									
SENAH SENDIRIAN BERHAD 134, Jalan Samudera Empat 68000 Batu Caves, Selangor Tel.: 03-61861672																													
Tarikh: 15 April 2012																													
Kepada: Kedai Elektrik Junaidi Lot 10, Plaza Perangsang 40400 Shah Alam Selangor																													
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Butir</th> <th>Kuantiti (Unit)</th> <th>Harga Seunit</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Pendingin udara</td> <td>2</td> <td>RM 1 200.00</td> <td>RM 2 400.00</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Kipas 5B</td> <td>4</td> <td>300.00</td> <td>1 200.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Tolak: Diskaun niaga 5 %</td> <td>3 600.00 180.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Jumlah</td> <td>3 420.00</td> </tr> </tbody> </table>					Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah	1	Pendingin udara	2	RM 1 200.00	RM 2 400.00	2	Kipas 5B	4	300.00	1 200.00	Tolak: Diskaun niaga 5 %				3 600.00 180.00	Jumlah				3 420.00
Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah																									
1	Pendingin udara	2	RM 1 200.00	RM 2 400.00																									
2	Kipas 5B	4	300.00	1 200.00																									
Tolak: Diskaun niaga 5 %				3 600.00 180.00																									
Jumlah				3 420.00																									
(Ringgit Malaysia: Tiga ribu empat ratus dua puluh sahaja)																													
Syarat : 10 % 7 hari, 5 % 15 hari																													
<i>K & K di K</i>																													
Penerima <i>Junaidi</i>			Pengurus <i>Kasnah</i>																										

Dokumen 5

ASAL	NO.: 3261																				
SYARIKAT NECO SDN. BHD. 44, Jalan Dr. Ismail 70400 Seremban, Negeri Sembilan Tel.: 06-6785110 NOTA KREDIT Tarikh: 17 April 2012																					
Kepada: Kedai Elektrik Junaidi Lot 10, Plaza Perangsang 40400 Shah Alam Selangor																					
Akaun anda telah dikreditkan seperti berikut:																					
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bil.</th> <th style="text-align: center;">Butir</th> <th style="text-align: center;">Kuantiti (Unit)</th> <th style="text-align: center;">Harga Seunit</th> <th style="text-align: center;">Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Periuk nasi</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">RM 50.00</td> <td style="text-align: center;">RM 100.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: center;">Tolak: Diskaun niaga 10 %</td> <td style="text-align: center;">10.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: center;">Jumlah</td> <td style="text-align: center;">90.00</td> </tr> </tbody> </table>		Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah	1	Periuk nasi	2	RM 50.00	RM 100.00				Tolak: Diskaun niaga 10 %	10.00				Jumlah	90.00
Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah																	
1	Periuk nasi	2	RM 50.00	RM 100.00																	
			Tolak: Diskaun niaga 10 %	10.00																	
			Jumlah	90.00																	
(Ringgit Malaysia: Sembilan puluh sahaja)																					
Pengurus Tony																					

Dokumen 6

SALINAN	NO.: 5002																														
KEDAI ELEKTRIK JUNAIDI Lot 10, Plaza Perangsang 40400 Shah Alam Selangor Tel.: 03-55103669 INVOIS Tarikh: 19 April 2012																															
Kepada: TMAZ Enterprise No. 20, Jalan Kantan 2B 43300 Rawang Selangor																															
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bil.</th> <th style="text-align: center;">Butir</th> <th style="text-align: center;">Kuantiti (Unit)</th> <th style="text-align: center;">Harga Seunit</th> <th style="text-align: center;">Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Penyaman udara</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">RM 2 160.00</td> <td style="text-align: center;">RM 4 320.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Kipas 5B</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">540.00</td> <td style="text-align: center;">1 080.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: center;">Tolak: Diskaun niaga 2 %</td> <td style="text-align: center;">5 400.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td colspan="2" style="text-align: center;">108.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: center;">Jumlah</td> <td style="text-align: center;">5 292.00</td> </tr> </tbody> </table>		Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah	1	Penyaman udara	2	RM 2 160.00	RM 4 320.00	2	Kipas 5B	2	540.00	1 080.00				Tolak: Diskaun niaga 2 %	5 400.00				108.00					Jumlah	5 292.00
Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah																											
1	Penyaman udara	2	RM 2 160.00	RM 4 320.00																											
2	Kipas 5B	2	540.00	1 080.00																											
			Tolak: Diskaun niaga 2 %	5 400.00																											
			108.00																												
			Jumlah	5 292.00																											
(Ringgit Malaysia: Lima ribu dua ratus sembilan puluh dua sahaja)																															
<i>Syarat : 5% 10 hari</i> <i>K & K di K</i> Penerima Muze																															
Pengurus Junaidi																															

Dokumen 7

ASAL	NO.: ND058																				
NOTA DEBIT SENAH SENDIRIAN BERHAD 134, Jalan Samudera Empat 68000 Batu Caves, Selangor Tel.: 03-61861672 Tarikh: 22 April 2012																					
Kepada: Kedai Elektrik Junaidi Lot 10, Plaza Perangsang 40400 Shah Alam Selangor																					
Akaun anda telah dikreditkan seperti berikut:																					
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bil.</th> <th style="text-align: center;">Butir</th> <th style="text-align: center;">Kuantiti (Unit)</th> <th style="text-align: center;">Harga Seunit</th> <th style="text-align: center;">Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Kipas 5B (Harga terkurang nyata dalam invois 5369)</td> <td style="text-align: center;">4</td> <td style="text-align: center;">RM 40.00</td> <td style="text-align: center;">RM 160.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: center;">Tolak: Diskaun niaga 5 %</td> <td style="text-align: center;">8.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: center;">Jumlah</td> <td style="text-align: center;">152.00</td> </tr> </tbody> </table>		Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah	1	Kipas 5B (Harga terkurang nyata dalam invois 5369)	4	RM 40.00	RM 160.00				Tolak: Diskaun niaga 5 %	8.00				Jumlah	152.00
Bil.	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit	Jumlah																	
1	Kipas 5B (Harga terkurang nyata dalam invois 5369)	4	RM 40.00	RM 160.00																	
			Tolak: Diskaun niaga 5 %	8.00																	
			Jumlah	152.00																	
(Ringgit Malaysia: Satu ratus lima puluh dua sahaja)																					
Pengurus Kasnah																					

Dokumen 8

Anda dikehendaki menyediakan catatan dalam jurnal berikut:

- | | | |
|-------|------------------------|------------|
| (i) | Jurnal Am | [3 markah] |
| (ii) | Jurnal Belian | [4 markah] |
| (iii) | Jurnal Jualan | [3 markah] |
| (iv) | Jurnal Pulangan Belian | [2 markah] |
| (v) | Jurnal Pulangan Jualan | [2 markah] |

SOALAN NO.1(a)

Aliyah Enterprise berhutang sebanyak RM1 200 dengan Mahkota Holding. Sekeping cek untuk membayar hutang tersebut diterima oleh Mahkota Trading pada 3 September 2014 iaitu dalam tempoh kredit dan layak menerima diskaun tunai 5%.

Kirakan diskaun tunai yang diterima oleh Aliyah Enterprise.

[2markah]

SOALAN NO.1(b)

Dokumen perniagaan digunakan sebelum, semasa dan selepas proses urus niaga dijalankan.

Berikan satu contoh dokumen sebelum proses urus niaga dan satu contoh dokumen selepas proses urus niaga. [2markah]

SOALAN NO.1(e)

Keratan cek berikut adalah milik Perniagaan Royal.

DAWANA BANK		
Tarikh	25.8.2017	
Penerima	Mohd. Arash bin Iman	
Kerana	Rekupmen Tunai Runcit	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	28 650	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	28 650	00
Cek ini	380	00
Baki	28 270	00
No. Cek : 040809015422		

- | | | |
|------|---|------------|
| (i) | Berapakah jumlah wang yang dikeluarkan? | [1 markah] |
| (ii) | Ke manakah urus niaga ini diposkan? | [1 markah] |

MODUL 4 :
BUKU CATATAN PERTAMA

SPM 2010

SOALAN NO.4

Mega Berhad menyediakan Buku Tunai Runcit dengan lajur analisis belanja pejabat, belanja pos, belanja perjalanan dan alat tulis pada 31 Mac 2010. Sistem panjar diamalkan dengan diperuntukkan RM250 sebagai dana runcit.

Bayaran berikut dilakukan di sepanjang bulan Mac

Mac	RM
1 Terima cek daripada ketua juuruwang	250
3 Beli kertas fotostat	45
7 Bayar petrol untuk motosikal	10
11 Penghantaran bungkusan melalui pos	6
15 Beli surat khabar dan majallah	32
17 Beli pewangi pejabat	25
20 Beyar tempat letak kereta	4
21 Beli minuman pejabat	12
22 Beli setem dan sampul surat berdaftar	20
27 Beli dakwat pencetak	85

Anda dikehendaki :

(a) Menyediakan Buku Tunai Runcit pada 31 Mac 2010. (Tunjukkan bayaran balik pada 1 April 2010). [6 markah]

(b) Mengelaskan maklumat catatan ke lejar pada 31 Mac 2010. [2 markah]

(c) Menerangkan maksud sistem panjar. [2 markah]

BUKU TUNAI RUNCIT

				Analisis Bayaran			

SPM 2012**SOALAN NO.1(a)**

1. (a) Nyatakan dokumen sumber dan buku catatan pertama yang terlibat bagi urus niaga berikut:

Kedai Perabot Nur membeli sebuah komputer secara kredit.

[2 markah]

SPM 2013**SOALAN 6 (b)**

Encik Zaini ialah peniaga tunggal yang menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut system panjar. Nilai panjar berjumlah RM180. Pada 1 Jun 2013, baki tunai runcitnya ialah RM28.

Urus niaga bagi bulan Jun 2013 adalah seperti berikut:

Jun		RM
1	Bayaran balik oleh ketua juru wang	?
5	Beli katrij pencetak	53
8	Beli penyegar udara	30
12	Belanja pembersihan	25
24	Bei fail dan kertas pencetak	38

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan Jun 2013 dengan menunjukkan lajur analisis Alat tulis dan Belanja runcit sebagai lajur analisis. Tunjukkan bayaran balik pada 1 Julai 2013. [9 markah]

Jawapan : [Alat tulis RM91, Belanja runcit RM55]

BUKU TUNAI RUNCIT

			Analisis Bayaran			

SPM 2015**SOALAN NO.1(c)**

Lengkapkan catatan Jurnal Am berikut:

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2015 Julai 2	X Y (Menggunakan inventori barang untuk kegunaan keluarga)	RM 800	RM 800

Apakah X dan Y?

[2 markah]

SPM 2016**SOALAN 5 (b)**

Jasaramai Berhad menggunakan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar. Dana runcit sebanyak RM380 dikekalkan pada hari pertama setiap awal bulan.

Pada 30 September 2015, Buku Tunai Runcit berbaki RM180 manakala tunai di tangan adalah sebanyak RM550. Sepanjang bulan Oktober 2016, urus niaga tunai runcit adalah seperti berikut:

2015	RM
Oktober 1 Penerimaan tunai daripada Ketua Juruwang	?
3 Parkir	28
8 Dakwat Pencetak	37
15 Sampul surat ekspress	19
20 Petrol untuk van penghantaran	30
23 Bungkusan pos	25

Anda dikehendaki menyediakan:

Buku Tunai Runcit bagi bulan Jun 2013 dengan menunjukkan lajur analisis Alat Tulis, Pos dan Belanja Perjalanan sehingga 1 November 2015.
[10 markah]

BUKU TUNAI RUNCIT

				Analisis Bayaran			

SPM 2018**SOALAN 6 (a)**

Naza adalah pemilik Butik Naza di Sepang, Selangor. Dia menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM200.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Butik Naza.

Tarikh	Butir	RM
2017		
Feb. 28	Baki Bank	7 218
	Baki Buku Tunai Runcit	57
Mac 1	Rekupmen dengan cek (No. 300127)	?
5	Bayaran untuk bungkusan pos	81
6	Bayaran kepada Perniagaan Jojarydengan cek (No. 300128)	1 535
10	Cek diterima untuk jualan tunai	2 280
11	Belian dengan cek (No. 300129)	2 007
13	Terima cek daripada Nazirah Enterprise	1 564
16	Bayaran untuk kertas A4	45
19	Bayaran untuk setem dan pos	13
23	Bayaran untuk upah mencuci pejabat	20
29	Bayaran gaji dengan cek (No. 300130) bagi bulan Mac	4 025

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Buku Tunai Runcit bagi bulan Mac 2017 dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya. Tunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat (gunakan Lampiran A). [7 markah]

BUKU TUNAI RUNCIT

				Analisis Bayaran			

MODUL 5 : LEJAR

SPM 2011

SOALAN NO.3

Maklumat berikut diperoleh daripada rekod perakaunan Encik Johan:

(a)

	RM
Baki pada 1 Jun 2011:	
Akaun Belum Terima	166 548
Akaun Belum Bayar	68 422
Belian kredit	36 214
Belian tunai	658
Jualan kredit	95 473
Jualan tunai	2 417
Bayaran dengan cek kepada pembekal	34 195
Cek diterima daripada pelanggan	79 863
Diskaun diberi	894
Diskaun diterima	658
Pindahan baki lejar jualan ke lejar belian	951
Cek tak laku pelanggan telah diberi diskau RM40	960
Bayaran secara tunai kepada pembekal	284
Tunai diterima daripada pelanggan	375
Pulangan masuk	327
Pulangan keluar	188
Hutang lapuk	473
Faedah dikenakan atas hutang pelanggan tertunggak	72
Baki pada 30 Jun 2011:	
Akaun Belum Terima	?
Akaun Belum Bayar	?

(a) Anda dikehendaki menyediakan akaun-akaun berikut bagi bulan Jun 2011.

- (i) Akaun Kawalan Belum Terima
- (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar

[12 markah]
[8 markah]

(b) Nyatakan tiga kelebihan menyediakan akaun kawalan.

[3 markah]

(c) Apakah dua sebab Encik Johan memberikan diskau tunai kepada pelanggan.

[3 markah]

SPM 2014**SOALAN NO.5**

- (a) Berikut merupakan catatan Jurnal dan Buku Tunai yang diperoleh daripada buku perniagaan Seri Warisan, anda dikehendaki menyediakan:
- (i) Akaun Kawalan Belum Bayar [8 markah]
 - (ii) Akaun Kawalan Belum Terima [10 markah]
- (b) Kirakan:
- (i) Jumlah Jualan [1 markah]
 - (ii) Jumlah Belian [1 markah]

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2014 Mac1	Tunai Bank Inventori Lekapan Cempaka Sari Didy Enterprise Seri Andalas Enterprise Modal (Aset dan liabiliti pada tarikh ini)	RM 750 5 000 3 150 5 000 2 500 300 1 450 15 250	RM
12	Cempaka Sari Pte. Ltd Diskaun diberi (diskaun diberi dibatalkan)	250	250
15	Angkutan masuk Kamarul Enterprise (Angkutan masuk dikenakan)	150	150
31	Hutang lapuk Didy Enterprise (hutang lapuk dihapus kira)	300	300
31	Hutang rugu Peruntukan Hutang Ragu (Mewujudkan peruntukan hutang rugu)	28	28

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2014 Mac 5	Kamarul Enterprise	RM 3 000
15	Seri Andalas Enterprise	2 450
28	Kamarul Enterprise	2 000
31	Akaun Belian	7 450

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2014 Mac 8	Syikin Supplier	RM 4 120
16	Perniagaan Aliff	1 800
22	Syikin Supplier	2 550
27	Cempaka Sari Pte. Ltd.	1 500
31	Akaun Jualan	9 970

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2014 Mac 8	Kamarul Enterprise	RM 250
31	Akaun Pulangan Belian	250

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2014 Mac 11	Syikin Supplier	180
29	Cempaka Sari Pte. Ltd	100
31	Akaun Pulangan Jualan	280

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Fol	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Fol	Disk	Tunai	Bank
2014 Mac 1	Baki b/b		RM	RM 750	5000	2014 Mac 1	Belian		RM	RM 200	RM
3	Cempaka Sari Pte. Ltd	250		2250	5	Seri Andalas Enterprise		270		1160	
7	Jualan			300		10	Kadar bayaran				350
10	Komisen			150		11	Alat tulis			65	
15	Cempaka Sari Pte. Ltd			2500	12	Cempaka Sari Pte Ltd				2250	
17	Jualan			400		17	Kamarul Enterprise		600		2550
18	Tunai	/		1200	18	Bank		/	1200		
22	Jualan			1050	21	Belian				1000	
24	Perniagaan Aliff			1800	24	Seri Andalas Enterprise		245		2205	
26	Syikin Supplier	255		6415	28	Gaji				850	
30	Jualan			270		30	Sewa			1400	
							Baki h/b			255	8600
			505	1720	20365				1115	1720	20365
April 1	Baki b/b			255	8600						

MODUL 6 :
IMBANGAN DUGA

SPM 2015

SOALAN NO.1(d)

- (i) Nyatakan **dua** fungsi Imbangan Duga. [2 markah]
 (ii) Imbangan Duga yang seimbang tidak semestinya betul.
 Jelaskan. [2 markah]

MODUL 8 :

PELARASAN PADA TARikh IMBANGAN

SPM 2010

SOALAN NO.3

Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Kempas pada 30 Jun 2008 menunjukkan peruntukan hutang rugu berjumlah RM496.

Berikut adalah ringkasan berkenaan Akaun Belum Terima, hutang lapuk dihapuskan, hutang lapuk terpulih dan peratus peruntukan hutang rugu bagi dua tahun berakhir 30 Jun 2010.

Tahun berakhir	Akaun Belum Terima	Hutang lapuk dihapuskan	Hutang lapuk terpulih	Peratus peruntukan hutang rugu atas penghutang
	RM	RM	RM	%
30 Jun 2009	26 450	300	-	4
30 Jun 2010	28 600	700	250	3

Anda dikehendaki :

- (a) Menghitung peruntukan hutang rugu pada 30 Jun 2009 dan 30 Jun 2010. [2 markah]
- (b) Menyediakan Akaun hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Rugu bagi tahun berakhir 30 Jun 2009 dan 30 Jun 2010. [6 markah]
- (c) Menyediakan petikan Akaun Untung rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2010 dan Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2010. [4 markah]

SPM 2011

SOALAN NO.1(c)

Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Runcit Alia pada 31 Oktober 2011.

	RM
Kenderaan (kos)	87 000
Susut nilai terkumpul	52 500
Maklumat tambahan:	
Pada 1 November 2011, kenderaan tersebut telah dijual pada harga RM30 000.	

Hitung untung atau rugi atas pelupusan kenderaan tersebut.

[2 markah]

SOALAN NO.5

Kunci Kira-kira berikut diperoleh daripada buku perniagaan Mesra Dua Enterprise.

Mesra Dua Enterprise
Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2010 (petikan)

	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan	80 000		
Tolak: Susut nilai terkumpul	<u>39 040</u>		
			40 960
Aset Semasa			
Akaun Belum Terima	48 000		
Tolak: Peruntukan hutang ragu	<u>810</u>		
			47 190
Insurans terdahulu	300		
			47 490
Liabiliti Semasa			
Kadar bayaran belum bayar	500		
Sewa belum terperoleh	<u>4 000</u>		
			4 500

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011:

- (i) Sewa tahunan adalah RM18 000.
- (ii) Sewa yang telah diterima RM12 000.
- (iii) Kadar bayaran yang telah dibayar RM3 600.
- (iv) Kadar bayaran belum bayar pada akhir tahun kewangan RM1 500.
- (v) Insurans yang telah dibayar RM2 400.
- (vi) Insurans prabayar pada akhir tahun kewangan adalah RM450.
- (vii) Pada 30 Jun 2011 baki Akaun Belum Terima adalah RM38 000.
- (viii) Seorang pelanggan telah diisyiharkan muflis. Hutangnya sebanyak RM3 800 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan 5% daripada Akaun Belum Terima bersih.
- (ix) Kenderaan disusutnilaikan 20% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|------------|
| (a) Akaun Sewa Diterima | [4 markah] |
| (b) Akaun Kadar Bayaran | [4 markah] |
| (c) Akaun Insurans | [4 markah] |
| (d) Akaun Peruntukan Hutang Ragu | [5 markah] |
| (e) Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan | [3 markah] |



SPM 2012

SOALAN NO.1(d)

Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Karimah Sendirian Berhad.

Kenderaan (kos)	RM8 600
Usia guna kenderaan	5 tahun
Nilai skrap	RM600

Hitung susut nilai tahunan.

[2 markah]

SPM 2014**SOALAN NO.4**

- (a) Belanja berikut dibayar oleh Abu samah Enterprise bagi tahun berakhir 30 September 2014.

	RM
Insurans	3 840
Sewa	4 000

Premium insurans adalah untuk setahun bermula 1 Januari 2014 manakala sewa tahunan ialah RM5 200.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Akaun Insurans [2 markah]
 (ii) Akaun Sewa [2 markah]

- (b) Tempoh perakaunan Ganda Dua Enterprise berakhir pada 30 jun setiap tahun. Baki Akaun Belum Terima pada 30 Jun 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	RM
2013	25 000
2014	23 000

Ganda Dua Enterprise memperuntukkan 2% peruntukan hutang ragu daripada jumlah Akaun Belum Terima bagi setiap tempoh perakaunan.

Sediakan Akaun Peruntukan hutang ragu bagi tahun berakhir 30 Jun 2013 dan 30 Jun 2014.

[4 markah]

MODUL 8 :

PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL

SPM 2012

SOALAN 2

Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Jane pada 31 Mei 2012.

	RM	RM
Modal		28 106
Belian dan Jualan	59 894	178 237
Pulangan jualan dan Pulangan belian	1 547	985
Gaji	45 482	
Belanja am	36 500	
Insurans	854	
Sewa	2 600	
Kadar bayaran	1 654	
Promosi	2 460	
Belanja kenderaan	1 249	
Hutang lapuk	384	
Diskaun	244	132
Ambilan	6 000	
Tunai	500	
Bank		2 462
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	27 584	21 540
Inventori 1 Jun 2011	29 500	
Lengkapan (kos)	9 500	
Susut nilai terkumpul lengkapan		3 400
Kenderaan	15 400	
Susut nilai terkumpul kenderaan		5 240
Peruntukan hutang ragu		1 250
	241 352	241 352

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mei 2012 dinilai RM34 500 pada harga kos dan RM97 650 pada harga pasaran.
- (ii) Sewa dibayar setiap suku tahun. Sewa dibayar termasuk RM600 bagi suku tahun berakhir 30 Jun 2012
- (iii) Kadar bayaran belum bayar RM340
- (iv) Hutang sebanyak RM664 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas baki akaun belum terima.
- (vi) Sepanjang tahun kewangan barang niaga telah diambil untuk tujuan berikut:
 - Promosi RM750
 - Kegunaan peribadi RM500
- (vii) Kadar susut nilai adalah seperti berikut:
 - Lengkapan 15% setahun atas baki berkurangan
 - Kenderaan 20% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mei 2012
- (b) Penyata Kedudukan kewangan pada 31 Mei 2012

[17 markah]
[8 markah]

Jawapan:

- (a) Untung kasar RM140 094, Untung bersih RM49 597
 (b) Jumlah ABS RM233 420, Jumlah AS RM33 578, Jumlah LS RM24 213, Modal Kerja RM9 365 & Modal akhir RM242 785

SPM 2014**SOALAN 2**

Tieyah memulakan perniagaan pada 1 November 2013 dengan modal berikut:

	RM
Tunai di bank	5 000
Premis (kos)	30 000
Peralatan (kos)	8 000

Maklumat berikut diperoleh pada akhir tahun kewangan 31 Oktober 2014:

	RM
(i) Urusniaga di bank adalah seperti berikut:	
Penerimaan:	
Kutipan daripada Akaun Belum Terima	45 826
Tunai dibankkan	62 874
Pembayaran:	
Bayaran kepada Akaun Belum Bayar	48 958
Kenderaan	33 000
Penyelenggaraan kenderaan	2 816
Belanja pentadbiran	4 800
Belanja am	4 525
(ii) Urusniaga tunai adalah seperti berikut:	
Pembayaran:	
Gaji	8 520
Ambilan	5 800
Belian	15 463
Penyelenggaraan kenderaan	3 254
(iii) Aset dan liabiliti pada 31 Oktober 2014:	
Premis	30 000
Peralatan	7 200
Kenderaan	29 600
Inventori : Harga jualan	16 840
Harga kos	9 650
Akaun Belum Terima	9 840
Tunai di tangan	500
Belanja pentadbiran terdahulu	875
Akaun Belum Bayar	7 470
Gaji terakru	190

(vi) Sepanjang tahun perakaunan pemilik mengambil barang niaga bernilai RM1 300 untuk kegunaan peribadi namun belum direkodkan dalam mana-mana buku.

(v) Seorang Akaun Belum Terima tidak dapat dikesan dan baki hutangnya bernilai RM365 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Anda dikehendaki menyediakan :

- | | |
|---|-------------|
| (a) Akaun Bank | [4 markah] |
| (b) Akaun Tunai | [3 markah] |
| (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2014 | [10 markah] |
| (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2014 | [8 markah] |

Jawapan:

- (a) Untung kasar RM140 094, Untung bersih RM49 597
(c) Jumlah ABS RM233 420, Jumlah AS RM33 578, Jumlah LS RM24 213,
Modal Kerja RM9 365 & Modal akhir RM242 785

SPM 2015**SOALAN 2**

Imbangan Duga Perniagaan Hakim pada 30 Jun 2015 adalah seperti berikut:

	Dt	Kt
Belian dan Jualan	65 164	204 960
Pulangan	657	445
Gaji	57 520	
Belanja am	17 423	
Belanja kenderaan	2 564	
Sewa		6 000
Insurans premis	2 150	
Ambilan	6 500	
Premis (kos)	195 000	
Kenderaan (kos)	50 000	
Lengkapan (kos)	25 000	
Akaun Belum Terima	25 600	
Akaun Belum Bayar		13 200
Bank		9 813
Pusat Kenderaan Noor	14 840	
Inventori pada 1 Julai 2014	6 000	
Peruntukan Hutang Ragu		312
Susut nilai terkumpul :		
Kenderaan		24 000
Lengkapan		10 000
Modal		199 688
	468 418	468 418

Maklumat tambahan pada 30 Jun 2015:

- (i) Inventori dinilaikan dan dicatat dalam kad Inventori berasingan

Kad Inventori	Harga Kos	Harga Pasaran
Kad Inventori 1	2 450	4 920
Kad Inventori 2	1 740	1 760
Kad Inventori 3	1 590	1 380
Kad Inventori 4	940	960

- (ii) Sewa belum terima RM2 000
 (iii) Gaji belum bayar RM1 200

- (iv) Hutang lapuk dihapuskan RM400
- (v) Peruntukan hutang ragu dikekalkan 1% atas Akaun Belum Terima
- (vi) Bayaran untuk Pusat Kenderaan Noor adalah seperti berikut:
- Kenderaan baharu dibeli pada 1 Januari 2015 dengan harga RM14 600
 - Insurans untuk kenderaan baharu sehingga 31 Disember 2015, RM240
- (vii) Semua aset bukan semasa disusutnilaikan setahun penuh tanpa mengambil kira tarikh pembelian aset:
- Premis – tiada
 - Kenderaan – 30% mengikut kaedah baki berkurangan
 - Lengkapan – 20% mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|-------------|
| (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2015 | [15 markah] |
| (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2015 | [10 markah] |

Jawapan:

- (a) Untung kasar RM140 094, Untung bersih RM49 597
- (d) Jumlah ABS RM233 420, Jumlah AS RM33 578, Jumlah LS RM24 213, Modal Kerja RM9 365 & Modal akhir RM242 785

SPM 2016**SOALAN 3**

Imbanan Duga pada 30 Jun 2016 yang diperoleh daripada Perniagaan Hambali adalah seperti berikut.

	Debit	Kredit
Pengiklanan	750	
Bank		5 810
Modal		20 000
Diskaun diberi	245	
Diskaun diterima		125
Ambilan	1 800	
Lengkapan (kos)	24 000	
Susut Nilai Terkumpul Lengkapan		11 500
Belanja am	7 510	
Inventori pada 1 Julai 2015	25 000	
Tunai runcit	2 550	
Peruntukan Hutang Ragu		2 550
Belian	359 110	
Pulangan Belian		4 230
Sewa	18 000	
Belanja membaiki	6 500	
Gaji	36 800	
Jualan		459 900
Pulangan jualan	8 900	
Akaun Belum Bayar		26 620
Akaun Belum Terima	38 325	
Belanja pengangkutan	1 245	
	530 735	530 735

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2016 dinilaikan seperti berikut:

	Harga Kos	Harga Pasaran
Produk A	5 800	6 670
Produk B	6 580	9 850
Produk C	11 540	8 250
Produk D	7 890	9 030

- (ii) Pemilik telah membeli kelengkapan bernilai RM6 750 pada 1 Jun 2016 dengan menggunakan wang peribadi. Perkara tersebut belum direkodkan.

- (iii) Lengkapan disusutnilaikan sebanyak 10% menggunakan kaedah garis lurus. Polisi perniagaan menetapkan susutnilai dikira untuk setahun sekiranya aset dibeli dalam tempoh kewangan dan susutnilai tidak diambil kira pada tahun aset dilupuskan.
- (iv) Cek tak laku telah direkodkan tetapi pembatalan diskaun diberi RM35 masih belum direkodkan.
- (v) Peruntukan hutang rugu dikenakan kepada 5% daripada Ak Belum Terima.
- (vi) Sepanjang tahun pemilik telah mengambil alat tulis RM120 untuk kegunaan peribadi. Perkara ini direkodkan sebagai belanja am.
- (vii) Invois berjumlah RM1 800 untuk sewa adalah bagi tempoh tiga bulan sehingga 31 Ogos 2016.
- (viii) Perniagaan menyertai kempen pengiklanan yang berterusan dengan kos RM450 setiap bulan. Invois terakhir yang diterima bagi bulan April 2016.
- (ix) Jualan termasuk RM2 400 yang diterima untuk kerja-kerja yang akan dijalankan pada bulan September 2016.

Anda dikehendaki:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2016. [12 markah]
- (b) Penyata kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2016. [13 markah]

Jawapan:

- (a) Untung kasar RM97 240, Untung bersih RM24 327RM187 369
- (b) Jumlah : Aset Bukan Semasa RM16 175, Aset Semasa RM68 712, Liabiliti Semasa RM35 730, Modal Kerja RM32 982 & Angka imbang RM49 157

SPM 2017**SOALAN 3**

Encik Amir adalah pemilik Kedai Runcit Maju. Imbangan Duga pd 30 Jun 2017 adalah seperti berikut.

	Debit	Kredit
Belian dan Jualan	335 692	802 278
Pulangan	5 341	1 287
Angkutan masuk	3 250	
Angkutan keluar	7 647	
Sewa diterima		2 400
Gaji	110 854	
Belanja Penyelenggaraan bangunan	134 600	
Belanja Membaiki kenderaan	40 222	
Belanja pejabat	42 694	
Faedah pinjaman	2 400	
Hutang lapuk	325	
Bangunan (kos)	225 000	
Lekapan	84 820	
Susut Nilai Terkumpul:		
Bangunan		45 000
Lekapan		16 200
Inventori 1 Julai 2016	32 000	
Akaun Belum Terima	135 330	
Akaun Belum Bayar		64 296
Bank	7 650	
Pinjaman 12% (matang pada 1 Jan 2037)		80 000
Modal		156 364
	1167825	1167825

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2017 dinilai pada harga kos RM16 500 dan RM34 780 pada harga pasaran.
- (ii) Sepanjang tahun kewangan Encik Amir membuat ambilan untuk kegunaan peribadi seperti berikut:
 - Barang niaga RM2 000
 - RM1 000 setiap bulan telah direkod dalam Akaun Gaji
- (iii) Belanja penyelenggaraan bangunan RM134 600 termasuk mengubah suai bangunan RM85 000.
- (iv) Hutang sebanyak RM130 dihapuskan sebagai lapuk.
- (v) Peruntukan hutang rugu diwujudkan pada kadar 2% atas Ak Belum Terima bersih.
- (vi) Pinjaman 12% dibuat pada 1 Jan 2017.

(vii) Pelarasan yang perlu diambil kira:

- Sewa belum terima RM600
- Gaji belum bayar RM2 250
- Inventori alat tulis RM875 (alat tulis telah diambil kira dalam Akaun Belanja Pejabat)

(viii) Susut nilai diperuntukkan seperti berikut:

- Bangunan 2% setahun mengikut kaedah garis lurus
- Lekapan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi tahun berakhir 30 Jun 2017. [15 markah]

(b) Penyata kedudukan kewangan pada 30 Jun 2017 . [10 markah]

Jawapan:

- (a) Untung kasar RM445 782, Untung bersih RM187 369
(b) Jumlah : Aset Bukan Semasa RM320 558, Aset Semasa RM158 12, Liabiliti Semasa RM68 946, Modal Kerja RM89 175 & Angka imbang RM409 733

SPM 2018**SOALAN 5 (BAHAGIAN B)**

Arfaah adalah pemilik Kedai Buku Arfa yang memulakan perniagaan milik tunggal pada 1 Julai 2016. Imbangan Duga perniagaan adalah seperti berikut:

	Dt	Kt
Premis	120 000	
Inventori 1 Julai 2017	28 900	
Modal 1 Julai 2017		128 824
Kenderaan (kos)	8 000	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		1 200
Perabot (kos)	6 700	
Susut Nilai Terkumpul Perabot		670
Belian dan Jualan	47 800	86 700
Pulangan	560	
Bank		2 700
Angkutan masuk	740	
Diskaun	293	
Akaun Belum Terima	8 670	
Akaun Belum Bayar		10 630
Hutang lapuk	350	
Peruntukan Hutang Ragu		195
Utiliti	1 346	
Gaji	11 700	
Faedah overdraf	320	
Ambilan	1 040	
Sewa		5 500
	236 419	236 419

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2018 dinilai pada RM34 650
- (ii) Sewa tahunan RM6 000
- (iii) Gaji RM900 sebulan
- (iv) Utiliti RM130 bagi bulan Jun 2018 belum bayar
- (v) RM470 dihapus kira sebagai hutang lapuk
- (vi) Aset bukan semasa perlu disusutnilaikan seperti berikut:
 - Kenderaan 15% atas kos
 - Perabot 10% setahun atas baki berkurangan
- (vii) Peruntukan hutang ragu adalah 2% atas baki akaun belum terima
- (viii) Urus niaga berikut masih belum direkod:

- (a) Arfah membawa masuk kenderaan RM48 000 untuk kegunaan perniagaan pada 1 Januari 2018.
 (b) Barang niaga dibeli RM3 980 dengan menggunakan cek peribadinya pada 30 Jun 2018.

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2018. [15 markah]
 (b) Akaun bagi ekuiti Arfa pada 30 Jun 2018. [5 markah]

Jawapan:

- (a) Untung kasar RM39 370, Untung bersih RM26 289
 (b) Akaun Modal Arfa – Baki b/b RM206 053

SPM 2019

SOALAN 2

Puan Zahara menjalankan perniagaan Zara Enterprise yang beroperasi di Kuala Lumpur. Imbangan Duga pd 30 Sept 2019 adalah seperti berikut.

	Dt	Kt
Pinjaman bank (6% matang 2019)		42 000
Peruntukan Hutang Ragu		504
Bank		9 910
Angkutan masuk	174	
Angkutan keluar	1 292	
Tunai	250	
Ambilan	17 150	
Modal (1 Oktober 2018)		155 536
Belanja am	16 660	
Insurans	1 930	
Inventori Barang niaga (1 Oktober 2018)	14 300	
Faedah atas pinjaman	2 310	
Lain-lain Akaun Belum Bayar		1 200
Lain-lain Akaun Belum Terima	968	
Cetakan dan Alat tulis	13 470	
Hartanah, loji dan mesin (dinilai pada 1 Oktober 2018)	238 650	
Belian	64 200	
Belanja membaiki	3 900	
Pulangan	466	1 290
Jualan		198 500
Gaji	28 300	
Akaun Belum Bayar		35 700
Akaun Belum Terima	34 200	
Pengangkutan	6 420	
	444 640	444 640

Maklumat tambahan:

- i) Inventori pada 30 Oktober 2019:

Barang niaga	RM18 150
Alat tulis	RM2 490
- ii) Faedah atas pinjaman telah dibayar sehingga 31 Ogos 2019
- iii) Insurans yang telah dibayar adalah termasuk insurans atas bangunan untuk 12 bulan sehingga 31 Disember 2019 sebanyak RM660
- iv) Jualan termasuk RM3 480 diterima untuk kerja-kerja yang akan dilakukan pada bulan Okt 2019
- v) Susut nilai dikenakan ke atas harta tanah, loji dan mesin menggunakan kaedah penilaian semula. Pada 30 September 2019 harta tanah, loji dan mesin dinilai pada RM230 300
- vi) Pada 1 Disember 2018 menerima tunai RM1 650 daripada seorang penghutang (Akaun Belum Terima) yang hutangnya telah menjadi lapuk pada 30 Sept 2018
- vii) Peruntukan Hutang rugu dikekalkan pada 2% atas Akaun Belum Terima

Tarikh : 30 September 2019

MEMO

Kepada : Alia
 Daripada : Puan Zahara

PERKARA

Sepanjang tahun perakaunan, saya telah menggunakan wang peribadi saya untuk perkara berikut:

Tambang teksi	RM2 890
Sewa	RM15 000

Perkara di atas masih belum direkodkan dalam mana-mana buku

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Oktober 2019. [12 markah]
- b) Penyata kedudukan kewangan pada 30 Oktober 2019. [12 markah]
- c) Mengapa modal kerja menjadi negatif . [1 markah]

Jawapan:

- (a) Untung kasar RM135 320, Untung bersih RM38 713
- (b) Jumlah : Aset Bukan Semasa RM230 300, Aset Semasa RM57 189, Liabiliti Semasa RM92 500, Modal Kerja (RM35 311) & Anqka imbang RM194 989

MODUL 9 : PEMBETULAN KESILAPAN

SPM 2014

SOALAN NO.1(b)

Maklumat berikut diambil daripada Zara Café.

Belian alatan pejabat bernilai RM2 850 telah tersilap catat dalam Akaun Belian

Betulkan kesilapan tersebut menggunakan jurnal.

[2 markah]

SPM 2016

SOALAN NO.6

Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Mazenah Book Store pada 30 Jun 2015.

**Mazenah Book Store
Imbangan Duga pada 30 Jun 2015**

	Dt	Kt
Jualan		129 200
Belian	104 800	
Pulangan masuk		1 200
Bank (overdraf)		5 600
Sewa	11 760	
Hutang lapuk terpulih	790	
Akaun Belum Terima	31 640	
Akaun Belum Bayar		14 760
Ambilan		2 380
Kadar Bayaran	4 200	
Kenderaan (kos)	45 000	
Lengkapan (kos)	9 700	
Inventori 1 Julai 2014	27 860	
Inventori 30 Jun 2015	30 850	
Faedah overdraf bank		280
Pulangan keluar		1 470
	266 600	154 890

- (a) Imbangan Duga tersebut tidak seimbang. **Anda dikehendaki menyediakan** semula Imbangan Duga berkenaan selepas mengenal pasti kesilapan dan ketinggalan butiran. [7 markah]
- (b) Setelah Imbangan Duga disediakan di 6(a), kesilapan berikut telah telah ditemui:
- (i) Belanja kenderaan RM200 telah direkodkan dalam Akaun Kenderaan.
 - (ii) Kadar bayaran yang telah dijelaskan dengan cek sebanyak RM369 telah direkodkan sebagai RM369.

- (iii) Cek yang telah diterima daripada Akaun Belum Terima dan dibankkan bernilai RM640 telah dipulangkan dan ditanda "Rujuk Penyuruh Bayar" oleh bank.
- (iv) Belian barang niaga RM700 telah didebitkan dalam Akaun Belian sebagai RM770, manakala Akaun Kadar bayaran telah terkurang catat sebanyak RM70.
- (v) Nota kredit RM540 daripada Akaun Belum Bayar telah didebitkan dalam Akaun Pulangan Keluar dan dikreditkan ke dalam Akaun Belum Bayar.

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan berkenaan. Keterangan tidak diperlukan. [11 markah]

- (c) Jelaskan kesan perekodan Sistem Inventori berterusan terhadap Akaun Perdagangan. [2 markah]

SOALAN NO.6

Vijay seorang peniaga runcit telah menyediakan Imbangan Duga pada 31 Ogos 2017.

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2017

	Debit RM	Kredit RM
Akaun lain yang berbaki debit	50 400	
Akaun lain yang berbaki kredit		38 925
Belian	47 110	
Jualan		68 950
Pulangan	1 050	725
Alatan Pejabat	5 900	
Alat tulis	950	
Ambilan	1 900	
Belanja runcit	1 740	
Akaun Belum Terima	20 200	
Akaun Belum Bayar		20 650
	129 250	129 250

Kesilapan berikut telah ditemui setelah Imbangan Duga disediakan:

- (i) Bayaran kepada Aqilah Enterprise RM482 telah direkod ke Akaun Aqilah Spa and Beauty.
- (ii) Belian alatan pejabat berkos RM2 150 telah direkodkan dalam Akaun Belian.
- (iii) Alat tulis yang diambil untuk kegunaan peribadi RM40 tidak direkod di mana-mana buku.
- (iv) Pulangan jualan RM45 telah dikreditkan ke Akaun Pulangan Belian dan didebitkan ke Akaun Belum Terima.
- (v) Belian barang niaga secara kredit RM2 691 telah dicatat dalam buku sebagai RM2 619.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan (abaikan keterangan) [11 markah]
- (b) Imbangan Duga pada 31 Ogos 2017 selepas kesilapan dibetulkan [9 markah]

SPM 2019**SOALAN NO.6(b)**

Sunny seorang peniaga dalam sebuah perniagaan milikan tunggal. Untung bersih perniagaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 ialah RM30 000. Selepas penyediaan Imbalan Duga dan Akaun Penamat, beberapa kesilapan telah dikesan seperti berikut:

- (1) Invois yang dikeluarkan kepada Saliza terkurang catat RM500.
- (2) Bil elektrik bagi bulan Jun RM750 belum dibayar.
- (3) Belanja membaiki komputer RM150 telah direkodkan dalam Akaun Komputer.

Anda dikehendaki:

- | | |
|--|------------|
| (i) Menyediakan catatan jurnal untuk merekod kesilapan berkenaan.
(keterangan tidak diperlukan) | [6 markah] |
| (ii) Hitung untung bersih selepas pelarasan (tunjukkan jalan kerja) | [4 markah] |

MODUL 10 :
ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

SPM 2010

SOALAN NO.6

Suasana Berhad dan dulang Berhad menjalankan perniagaan menjual peralatan elektrik di Kajang, Selangor. Penyata kewangan bagi kedua-dua firma adalah seperti berikut:

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2010

	<u>Suasana Berhad</u>		<u>Dulang Berhad</u>	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		185 000		210 000
Tolak: <u>Kos jualan</u>				
Inventori awal	21 670		18 580	
Tambah: Belian	66 805		95 317	
	88 475		113 867	
Tolak: Inventori akhir	19 100		24 380	
		69 375		89 517
Untung kasar		115 625		120 483
Tolak:				
Belanja operasi		60 125		61 683
Untung bersih		55 500		58 800

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2010

	<u>Suasana Berhad</u>			<u>Dulang Berhad</u>		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Jumlah Aset Bukan Semasa			175 978			230 702
<u>Aset Semasa</u>						
Inventori	19 100			24 380		
Akaun Belum Terima	18 411			6 627		
Bank	11 692			4 536		
		49 203			35 543	
Tolak: <u>Liabiliti Semasa</u>						
Akaun Belum Bayar	16 701			23 695		
Belanja Belum Bayar	2 980			-		
		19 681				
Modal kerja			29 522			11 848
			205 500			242 550
<u>Ekuiti Pemilik</u>						
Modal		150 000			183 750	
Tambah: untung bersih		55 500			58 800	
		205 500			242 550	

Anda dikehendaki :

- (a) Mengira kedua-dua buah firma
- (i) Untung bersih atas jualan [2 markah]
 - (ii) Pulangan atas modal [2 markah]
 - (iii) Nisbah semasa [2 markah]
 - (iv) Kadar pusing ganti inventori (kepada satu titik perpuluhan) [2 markah]
- (b) (i) Berdasarkan jawapan anda di 6 (a) , nyatakan perniagaan manakah yang akan anda utamakan untuk pelaburan di masa hadapan? [1 markah]
- (ii) Beri alasan bagi menyokong jawapan anda di 6 (b) (i) [3 markah]

SPM 2012**SOALAN NO. 6**

Maklumat berikut dipetik daripada rekod perakaunan dua buah perniagaan yang menjual perabot bagi tahun berakhir 31 Mac 2012.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2012

	<u>Sira Trading</u>	<u>Mega Enterprise</u>
	RM	RM
Jualan	139 825	148 950
Tolak: <u>Kos jualan</u>	50 337	59 580
Untung kasar	89 488	89 370
Tolak: Perbelanjaan	19 575	17 874
Untung bersih	<u>69 913</u>	<u>71 496</u>

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2012

	<u>Sira Trading</u>	<u>Mega Enterprise</u>
	RM	RM
Aset Bukan Semasa (Nilai buku)	248 897	257 356
<u>Aset Semasa</u>		
Inventori	31 900	24 600
Akaun Belum Terima	5 800	8 200
Bank	13 100	9 600
	<u>50 800</u>	<u>42 400</u>
<u>Liabiliti Semasa</u>		
Akaun Belum Bayar	<u>49 784</u>	<u>28 260</u>
Modal kerja	1 016	14 140
	<u>249 913</u>	<u>271 496</u>
<u>Dibiayai oleh:</u>		
Modal	180 000	200 000
(+) Untung bersih	69 913	71 496
	<u>249 913</u>	<u>271 496</u>

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung nisbah berikut bagi Sira Trading dan Mega Enterprise.
(Beri jawapan pada dua tempat perpuluhan)
 - (i) Peratus Untung Kasar atas jualan [4 markah]
 - (ii) Peratus Untung bersih atas jualan [4 markah]
 - (iii) Pulangan atas modal [4 markah]
 - (iv) Nisbah semasa [4 markah]
- (b) Nyatakan perniagaan yang menawarkan pelaburan terbaik. Beri **satu** alasan. [2 markah]
- (c) Perniagaan manakah yang mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dalam jangka masa pendek.
Beri **satu** alasan . [2 markah]

SPM 2014**SOALAN NO. 6**

Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Tompok Trading dan Impian Setia Trading pada 30 Jun 2014.

Tompok Trading	RM
Jualan	200 000
Belian	152 000
Inventori pada 1 Julai 2013	36 000
Inventori pada 30 Jun 2013	28 000
Kos jualan	160 000
Belanja	6 000
Untung bersih	34 000
Akaun Belum Terima	49 315
Tunai	750
Overdraft bank	2 095
Insurans prabayar	600
Akaun Belum Bayar	20 411
Pinjaman (Matang pada 1 April 2015)	6 000
Modal pada 1 Julai 2013	425 000

*Nota: Semua urusniaga belian dan jualan adalah secara kredit

Impian Setia Trading	
Tokokan	30 %
Peratus untung bersih atas jualan	20 %
Pulangan atas modal	10 %
Nisbah semasa	3:1
Kadar pusing ganti inventori	8 kali
Tempoh kutipan hutang	60 hari

Anda dikehendaki:

- (a) Mengira nisbah berikut untuk Tompok Trading:
- (i) Tokokan [2 markah]
 - (ii) Peratus Untung bersih atas jualan [2 markah]
 - (iii) Pulangan atas modal [2 markah]
 - (iv) Nisbah semasa [2 markah]
 - (v) Kadar pusing ganti inventori [2 markah]
 - (vi) Tempoh kutipan hutang [2 markah]
- (b) Bandingkan prestasi Tompok trading dengan Impian setia Trading bagi setiap nisbah di 4(a) [6 markah]
- (c) Berdasarkan perbandingan prestasi di 4 (b) perniagaan manakah yang sesuai untuk dipilih bagi membuat pelaburan.? Beri alasan anda. [2 markah]

SPM 2017**SOALAN NO. 4**

Anda dikehendaki membantu Encik Chia untuk mengukur prestasi perniagaan beliau berdasarkan maklumat berikut:

	RM
Jualan	84 180
Belian	52 300
Pulangan Keluar	800
Inventori pada 1 November 2016	4 200
Modal pada 1 November 2016	50 300
Belanja kendalian yang lain	15 320
Kos pembiayaan pinjaman	5 700

Maklumat tambahan:

- i. Inventori pada 30 April 2017 adalah RM5 200 pada harga kos dan RM5 000 pada harga pasaran.
- ii. Nota kredit dihantar setelah invois jualan kerana kesilapan penghantaran barang niaga RM500. Maklumat ini belum direkodkan.

(a) Anda dikehendaki:

- (i) menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi enam bulan berakhir 30 April 2017. [8 markah]
- (ii) menghitung:
 - (a) Kadar pusing ganti inventori
 - (b) Mark-up
 - (c) Margin untung kasar
 - (d) Margin untung bersih
 - (e) Pulangan atas pelaburan
[10 markah]

SPM 2019**SOALAN NO. 1C**

Berdasarkan maklumat berikut, hitung kos jualan bagi Amin Enterprise jika margin untung kasar adalah 20%.

	RM
Jualan	600 000
Inventori awal	30 000
Inventori akhir	35 000

[2 markah]

SOALAN NO.6

Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Rancak Niaga bagi tahun berakhir 31 Mei 2019:

	RM
Jualan (termasuk jualan kredit RM200 000)	600 000
Inventori pada 1 April 2018	50 000
Inventori pada 31 Mei 2019	47 000
Belian	428 000
Jumlah hasil operasi	3 000
Jumlah belanja operasi	15 000
Bank	90 000
Akaun Belum Terima	62 000
Akaun Belum Bayar	48 000
Tunai	2 000
Pinjaman bank (matang pada 31 Mei 2020)	80 000
Modal pada 1 April 2018	480 000

Maklumat tambahan:**31 Mei 2018**

Peratus untung kasar atas Kos Jualan (Tokokan)	35.20%
Pulangan atas modal	30.80%
Nisbah Semasa	2.7 : 1
Tempoh kutipan hutang	135 hari

- (i) **Anda dikehendaki menghitung nisbah-nisbah berikut bagi tahun berakhir 31 Mei 2019 (jawapan dalam 2 tempat perpuluhan).**
- (1) Peratus untung kasar atas kos jualan (tokokan) [2 markah]
 - (2) Pulangan atas modal [2 markah]
 - (3) Nisbah Semasa [2 markah]
 - (4) Tempoh kutipan hutang [2 markah]
- (ii) Berdasarkan jawapan anda di 6(a)(i), tahun manakah yang menunjukkan pengurusan hutang Rancak Niaga yang lebih cekap? Berikan alasan. [2 markah]

MODUL 11 : REKOD TAK LENGKAP

SPM 2010

SOALAN NO.2

Tamin, seorang pemilik kafe, tidak menyimpan rekod perakaunannya yang lengkap. Buku Tunai perniagaan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2010 menunjukkan maklumat berikut:

	RM		RM
Baki 1 Sept 2009	1 854	Akaun Belum Bayar	29 547
Akaun Belum Terima	88 001	Gaji	27 689
Jualan peralatan pada 30 Sept. 2009	800	Belanja am	16 247
		Belian peralatan	4 250
		Faedah pinjaman	900
		Ambilan	12 000
		Baki 31 Ogos 2010	22
	90 655		90 655

Maklumat tambahan pada 31 Ogos:

	2009 RM	2010 RM
Peralatan (Harga penilaian)	1 400	3 000
Inventori	6 000	6 250
Akaun Belum Terima	9 360	9 840
Akaun Belum Bayar	2 500	2 650
Pinjaman berkadar 10% (jangka pendek)	12 000	12 000
Belanja am prabayar	150	
Belanja am belum bayar		200

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir pada 31 Ogos 2010.
 (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2010.

[11 markah]
 [7 markah]

SPM 2013**SOALAN NO.5**

Encik Azrul memulakan perniagaan Nini Market pada 1 januari 2010 di Seksyen 13, Shah Alam. Rekod perniagaan beliau disimpan tidak mengikut sistem catatan bergu.

Baki berikut diambil daripada buku catatannya:

	1 Januari 2012	31 Disember 2012
	RM	RM
Premis (kos)	80 000	80 000
Akaun Belum Bayar	3 200	2 700
Perabot (kos)	7 500	?
Insurans prabayar	-	240
Tunai	720	1 200
Akaun Belum Terima	4 800	5 280
Bank	630 (kt)	4 500
Inventori	11 650	13 400
Susut nilai terkumpul perabot	1 500	?

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 April 2012, pemilik telah membawa masuk perabot peribadi RM2 600 ke dalam perniagaan. Kadar susut nilai perabot ditetapkan 10% setahun atas kos.
- (ii) Seorang Akaun Belum Terima diisyiharkan muflis dan hutangnya bernilai RM380 telah dihapus kira. Urus niaga ini belum lagi direkodkan.
- (iii) Peruntukan hutang rugu dianggarkan 4% daripada Akaun Belum Terima bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.
- (iv) Pemilik mengambil barang niaga RM160 sebulan untuk kegunaan peribadi.
- (v) Pulangan belian berjumlah RM410 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (vi) Perniagaan telah menyewa sebuah kenderaan bermula 1 Julai 2012 pada kadar RM250 sebulan. Sehingga akhir tempoh perakaunan, perniagaan telah membayar sebanyak RM1 250.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira modal pada 1 Januari 2012. [4 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2012. [16 markah]

SPM 2014**SOALAN NO.5**

Encik Bakar memulakan perniagaannya pada 1 Januari 2013. Beliau tidak menyediakan rekod perniagaan menggunakan sistem catatan bergu. Pada 15 Julai 2014 beliau meminta bantuan anda untuk menentukan prestasi perniagaannya bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2014.

Encik Bakar memberikan maklumat berikut:

(a)

	<u>1 Januari 2014</u>	<u>30 Jun 2014</u>
	RM	RM
Premis (kos)	70 000	?
Lekapan dan lengkapan (kos)	5 400	5 400
Inventori	2 150	3 410
Akaun Belum terima	1 235	2 415
Gaji prabayar	350	-
Kadar bayaran belum bayar	-	240
Akaun Belum Bayar	970	1 050
Bank	1407(dt)	?

- (b) Pemilik menggunakan wang sendiri untuk membayar kepada kontraktor bagi pengubahsuaian premis berjumlah RM20 000
- (c) Lekapan dan Lengkapan disusutnilaikan sebanyak 10% setahun. Aset berkenaan dibeli pada 1 Jan 2013
- (d) Seorang Akaun Belum Terima telah dilaporkan menghilangkan diri. Hutangnya berjumlah RM350 telah dihapuskan.
- (e) Pemilik telah membuat ambilan tunai RM300 dan barang niaga RM200 setiap bulan untuk kegunaan keluarganya.
- (f) Overdraft bank berjumlah RM208.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2014. [7 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi Setengah tahun berakhir pada 30 Jun 2014. [5 markah]

SPM 2017**SOALAN NO.4(b)**

Penentuan untung atau rugi bagi sesebuah perniagaan yang mempunyai rekod tak lengkap boleh dilakukan dengan menggunakan Kaedah Perbandingan.

Jelaskan kaedah tersebut.

[2 markah]

SPM 2018**SOALAN NO.4**

Encik Muniandy seorang peniaga milik tunggal tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Semua pembayaran dilakukan dengan cek dan kebanyakan penerimaan termasuklah jualan tunai telah dibankkan. Pada 20 Oktober 2018, beliau telah meminta anda menyediakan satu set akaun bagi tahun berakhir 30 September 2018. Berikut adalah ringkasan akaun bank perniagaan Encik Muniandy bagi tahun berakhir 30 September 2018.

Akaun Bank

	RM		RM
Baki b/b	18 300	Akaun Belum Bayar	37 400
Jualan	20 700	Pengiklanan	4 800
Akaun Belum Terima	46 200	Kenderaan baharu	13 000
Jualan Kenderaan lama	2 850	Sewa	5 500
		Belanja am	4 000
		Ambilan	8 180
		Penyelenggaraan kenderaan	3 375

Anda telah dapat mengenal pasti maklumat berikut:

(1)

	1 Oktober 2017	30 September 2018
	RM	RM
Kenderaan	3 000	12 000
Akaun Belum Terima	7 100	10 800
Akaun Belum Bayar	4 400	5 600
Sewa prabayar	350	-
Belanja am belum bayar	95	-
Inventori pada harga kos	2 150	4 830

(2) Sepanjang tahun berakhir 30 September 2018:

- (i) Pembekal memberi diskaun RM1 600 kerana telah menyelesaikan hutang dengan segera.
 - (ii) Jualan tunai RM1 100 tidak dibankkan. Wang berkenaan digunakan untuk pembayaran penyelenggaraan kenderaan.
- (3) Encik Muniandy telah mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri pada harga kos RM1 150.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Modal Awal pada 1 Oktober 2017. [3 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Terima [2 markah]
- (c) Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- (d) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dalam bentuk penyata bagi tahun berakhir 30 September 2018. [12 markah]

MODUL 12 :

PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN

SPM 2013

SOALAN NO.6 (a)

Kamal Enterprise menerima Penyata Bank bagi bulan berakhir 31 Mac 2013. Baki Penyata Bank yang diterima berbeza dengan baki Buku Tunainya.

Berikut adalah Penyata Bank dan Buku Tunai pada tarikh berkenaan.

Penyata Bank Bank Kualiti Berhad No. 25 - 27, Jalan Bahagia 75450 Ayer Keroh, Melaka			No. Akaun: 156846-12-1200	
Kamal Enterprise, No.8, Kompleks Mulia Bukit Beruang 75450 Melaka			Tarikh: 31 Mac 2013	
Tarikh Butir Debit Kredit Baki				
2013		RM	RM	RM
Mac 1	Baki			9 160
3	Cek No. 500120	1 950		7 210
4	Deposit		6 920	14 130
7	Cek No. 500119	2 430		11 700
	Cek No. 500117	870		10 830
12	Deposit		10 102	20 932
13	Arahan Tetap - Sewa	500		20 432
14	Dividen - Maju Berhad		1 300	21 732
20	Cek No. 500122	240		21 492
21	Cek No. 500121	1 890		19 602
24	Caj Bank	70		19 532
26	Cek No. 500123	5 312		14 220
27	Deposit		4 710	18 930 (kt)

Buku Tunai (ruangan bank)			
2013		RM	2013
Mac	1	Baki b/b	5 860
	4	Jualan	6 920
	10	Mutihara Berhad	10 102
	13	Amin Enterprise	760
	25	Jualan	4 710
	29	Suraya Trading	19 28
		30 280	19 138
April	1	Baki b/b	19 138
No. Cek RM			
	2	Belian	500120 1 950
	18	Alatan Pejabat	500121 1 980
	19	Sharifah Bakery	500122 240
	23	Rozi Enterprise	500123 5 312
	27	Belanja runcit	500124 448
	29	Belian	500125 1 212
	31	Baki h/b	19 138
			30 280

Maklumat tambahan:

- (i) Cek No. 500121 telah tersalah rekod dalam Buku Tunai.
(ii) Cek yang diterima pada 13 Mac telah dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk kepada Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2013 tanpa mengemaskinikan Buku Tunai.

[11 markah]

SOALAN NO.2

Pada 1 Oktober 2015 buku tunai Perniagaan Nisa menunjukkan baki tunai sebanyak RM250 dan baki bank pula menunjukkan baki kredit sebanyak RM 1 453.

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan urus niaga tunai dan bank yang belum direkod oleh perniagaan.

Tarikh	Urus Niaga	No. Cek	RM
2015 Okt. 2	Terima cek daripada Amira		1 368
	Jualan tunai		280
3	Bayaran kepada Akaun Belum Bayar Zul	657	123
	Tunai dibankkan		325
4	Bayaran kepada Bengkel Leo	658	420
	Terima cek daripada Ng		946
5	Terima tunai untuk sewa		100
	Jualan tunai		675
	Bayar bil elektrik	659	255
6	Belian tunai		120
	Bayaran kepada Akaun Belum Bayar Ara	660	526

- (a) **Anda dikehendaki menyediakan** Buku Tunai (dua ruangan) untuk merekod urus niaga berkenaan dan mengimbangkannya pada 7 Oktober 2015.

[14 markah]

Penyata bank yang diterima oleh Perniagaan Nisa pada 7 Oktober 2015 adalah seperti berikut:

Tarikh	Urus Niaga	RM	RM	RM
2015 Okt 1	Baki			1 453 Dt
2	Deposit		1 368	85 Dt
	Faedah overdraf	75		160 Dt
3	Deposit		325	165 Kt
4	Deposit		946	1 111 Kt
	Leseb perniagaan – perintah sedia ada	60		1 051 Kt
	Dividen – Syarikat Azi		50	1 101 Kt
6	Cek 657	213		888 Kt
	Insurans	240		648 Kt
	Buku Bank	30		618 Kt
	Akaun Belum Terima Syah		167	785 Kt
7	Cek 658	420		365 Kt

*(Angka dalam penyata bank adalah betul.)

Anda dikehendaki:

- (a) Mengemaskinikan buku Tunai (ruangan bank)
(b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 7 Oktober 2015

[8 markah]
[3 markah]

SPM 2016**SOALAN NO.1 (c)**

Maklumat berikut berkaitan dengan anggaran penerimaan dan pembayaran Cik Orkid bagi bulan Oktober 2016.

	RM
Hasil Perkhidmatan	4 300
Komisen diterima	645
Insurans	435
Belanja Am	51
Utiliti	473

Hitungkan lebihan atau kurangan.

[2 markah]

SPM 2017**SOALAN NO.2**

Meng Zhi menggunakan Buku Tunai Tiga Ruangan untuk merekod urus niaga tunai dan bank bagi perniagaannya. Baki pada 30 September 2017 adalah seperti berikut:

	RM
Bank	529 (kt)
Tunai	1 650

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Oktober 2017.

Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
			RM
2017			
Okt. 2	Belian	6120	326
3	Jualan tunai (dibankkan)		423
5	Ru Eng	6121	211
6	Bengkel Yong	6122	548
	Tunai dibankkan		1 320
13	Aisar - cek diterima untuk penjelasan baki hutang RM3 500		3 200
20	Ameer - cek diterima		2 111
25	Hilmi (diskaun RM138)	6123	1 592
29	Lokman	6124	1 398
31	Viknes (diskaun RM233)		3 267
	Gaji	6125	1 732

- (a) Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Tiga Ruangan untuk mencatat urus niaga bagi bulan berkenaan.
[10 markah]

- (b) Pada 3 November 2017, Meng Zhi menerima penyata bank bagi bulan Oktober 2017.

BANK WANGI Penyata Bank				
Kepada: Meng Zhi		No. Akaun: 942821058911 Tarikh : 31 Oktober 2017		
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2017		RM	RM	RM
Okt. 1	Baki b/b			409 Dt.
3	Deposit		423	14 Kt.
4	Cek No. 6120	326		312 Dt.
5	Perintah sedia ada - sewa	750		1 062 Dt.
6	Deposit		1 320	258 Kt.
7	Cek No. 6122	548		290 Dt.
	Cek No. 6114	120		410 Dt.
9	Cek No. 6123	1 529		1 939 Dt.
13	Deposit		3 200	1 261 Kt.
22	Caj Bank	65		1 196 Kt.
26	Debit terus - Insurans	135		1 061 Kt.
31	Dividen - Haraz		378	1 439 Kt.

Maklumat tambahan:

1. Cek bernombor 6123 telah tersilap catat di dalam Buku Tunai.
2. Cek dibankkan pada 20 Oktober 2017 telah dipulangkan oleh bank pada 31 Oktober 2017 dengan ditanda "Rujuk Penyuruh Bayar"

Berdasarkan jawapan anda di 2(a), **anda dikehendaki:**

- (i) mengemas kini Buku Tunai (ruangan bank sahaja). [6 markah]
- (ii) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2017. [6 markah]
- (iii) menyediakan Akaun Diskaun. [3 markah]

SOALAN NO. 1(d)

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan belanjawan tunai.

	RM
Baki awal	2 509
Jumlah penerimaan	11 312
Kurangan	76

Hitung jumlah pembayaran untuk belanjawan berkenaan. [2 markah]

SOALAN NO. 6(c)

Naza adalah pemilik Butik Naza di Sepang Selangor. Dia menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM200.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Butik Naza.

Tarikh	Butir	RM
2018 Feb 28	Baki bank	7 218
	Baki Buku Tunai Runcit	57
Mac 1	Rekupmen dengan cek (No. 300127)	?
5	Bayaran untuk bungkusan pos	81
6	Bayaran kepada Perniagaan Jojary dengan cek (No. 300128)	1 535
10	Cek diterima untuk jualan tunai	2 280
11	Belian dengan cek (No. 300129)	2 007
13	Terima cek daripada Nazirah Enterprise	1 564
16	Bayaran untuk kertas A4	45
19	Bayaran untuk setem dan pos	13
23	Bayaran untuk upah mencuci pejabat	20
29	Bayaran gaji dengan cek (No. 300130)	4 025

Berikut adalah Penyata Bank bagi bulan Mac 2018 yang telah diterima oleh Butik Naza.

PENYATA BANK				
Bank Kita				
Lot 55, 43900 Sepang Selangor				
Butik Naza		Tarikh : 31 Mac 2018		
		No. Akaun: 444231540212		
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2017 Okt. 1	Baki b/b	RM	RM	RM
1	Cek No. 300127	143		7 418
5	Cek No. 300125	200		7 275
8	Cek No. 300128	1 353		7 075
11	Cek No. 300129	2 007		5 722
12	Deposit		2 280	3 715
28	Dividen		500	5 995
				6 495

Maklumat tambahan:

Cek bertarikh 13 Mac 2018 dipulangkan oleh bank dengan catatan "baki tidak mencukupi"

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Buku Tunai Runcit bagi bulan Mac 2018 dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya.

Tunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat.

[7 markah]

- (b) Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

[7 markah]

- (c) Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2018 bermula dengan baki Buku Tunai (tanpa mengemas kini Buku Tunai)

[6 markah]

SPM 2018**SOALAN NO.1(d)**

Penyata Bank pada 1 Mac 2019 bagi Perniagaan Shuet Yee menunjukkan baki debit bank RM300. Dividen pelaburan Perniagaan Shuet Yee RM500 telah dikreditkan ke akaun Bank.

Kirakan baki Penyata Bank selepas urus niaga tersebut.

[2 markah]

SOALAN NO.5

Elly bercadang untuk menjalankan Kedai Dobi pada 1 Januari 2020 dengan modal permulaan RM32 480 yang terdiri daripada:

	RM
Tunai di bank	1 980
Tunai di tangan	500
Mesin dobi	30 000

Elly bercadang untuk memohon pinjaman sebanyak RM12 000 pada Februari 2020 dengan berkadar faedah 8% setahun. Pinjaman akan dibayar balik secara bulanan selama 4 tahun, bermula bulan berikutnya.

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi perniagaannya adalah seperti yang berikut:

- (i) Hasil daripada perkhidmatan dobi bagi bulan Januari ialah RM8 900. Hasil ini dijangka meningkat 10% setiap bulan daripada bulan berikutnya.
- (ii) Jumlah belian bahan pencuci mengikut bulan adalah seperti berikut:

	RM
Januari	1 500
Februari	1 800
Mac	2 160

60% belian bahan pencuci akan dibayar secara tunai dan bakinya akan dijelaskan pada bulan berikutnya.

- (iii) Sewa bulanan ialah RM1 200.
- (iv) Anggaran belanja utiliti:

	RM
Januari	860
Februari	970
Mac	1 120

- (v) Perniagaan merancang untuk membeli lima unit alat pengering dan dua unit mesin dobi dengan kos keseluruhan berjumlah RM40 000 pada bulan Mac. Bayaran pendahuluan sebanyak 60% akan dibuat dan baki dijelaskan sepenuhnya pada bulan berikutnya.

- (a) **Anda dikehendaki menyediakan** bagi pihak Elly, Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2020.

[18 markah]

- (b) Sekiranya penerimaan dan pembayaran sebenar bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 adalah seperti berikut:

	RM
Hasil perkhidmatan dobi	27 680
Belian bahan pencuci	3 100

Bandingkan dapatan di 5(a) dengan 5(b), berikan pendapat anda.

[2 markah]

MODUL 13 :

PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN

SPM 2011

SOALAN NO.2

Amar, Bala dan Chan adalah pekongsi dalam Perkongsian Sepakat yang beroperasi di Kampung Attap, Kuala Lumpur. Petikan Imbalan Duga berikut diperoleh dari buku perkongsian tersebut pada 31 Disember 2010 setelah Akaun Perdagangan disediakan.

	Debit RM	Kredit RM
Modal (1 Januari 2010)		
Amar		100 000
Bala		75 000
Chan		35 000
Peralatan	85 000	
Kenderaan	82 000	
Susut nilai terkumpul (1 Januari 2010)		
Peralatan		26 000
Kenderaan		40 000
Inventori (31 Disember 2010)	60 000	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	78 300	34 320
Simpanan tetap berkadar faedah 6% setahun	50 000	
Bank	3 440	
Ambilan:		
Amar	16 000	
Bala	12 000	
Chan	18 000	
Untung kasar		246 250
Faedah atas simpanan		2 250
Gaji dan upah	83 500	
Belanja pentadbiran	64 800	
Sewa dan insurans	18 950	
Belanja kenderaan	6 420	
Peruntukan hutang ragu		1 750
Akaun Semasa (1 Januari 2010)		
Amar		16 550
Bala	2 500	
Chan		3 790
	580 910	580 910

Maklumat tambahan:

- (i) Simpanan tetap dibuat dalam tahun 2010.
- (ii) Gaji belum bayar RM1 750.
- (iii) Insurans prabayar RM680.
- (iv) Baki Akaun Belum Terima RM800 dihapus kira.
- (v) Peruntukan hutang ragu dikekalkan pada kadar 2% daripada Akaun Belum Terima.
- (vi) Kadar susut nilai adalah seperti berikut:
 - Peralatan , 10% setahun atas kos
 - Kenderaan, 30% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

- (vii) Ikatan Perjanjian Perkongsian menyatakan syarat berikut:
- Faedah atas ambilan dikenakan 10% setahun
 - Faedah atas modal dibayar 5% setahun
 - Gaji tahunan pekongsi
Bala RM4 000, Chan RM6 500
 - Untung atau rugi dikongsi antara Amar, Bala dan Chan mengikut nisbah 5:3:2 masing-masing.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|-------------|
| (a) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. | [8 markah] |
| (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. | [7 markah] |
| (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2010. | [10 markah] |

SPM 2012

SOALAN NO.5

Imbanan Duga berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Kasibah pada 30 April 2012.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal (1 Mei 2011):		
Kassim		50 000
Baha		90 000
Premis (kos)	79 400	
Kenderaan (kos)	51 000	
Akaun Semasa (1 Mei 2011):		
Kassim	1 500	
Baha		2 200
Ambilan:		
Kassim	18 000	
Baha	15 000	
Bank		3 700
Tunai	2 000	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	12 500	5 340
Peruntukan hutang ragu		420
Inventori 30 April 2012	25 100	
Pinjaman daripada Kassim		10 000
Untung bersih sebelum pelarasan		42 840
	204 500	204 500

Maklumat tambahan:

- (a) Pelarasian yang perlu diambil kira:
- (i) Insurans prabayar RM1 800 dan gaji belum bayar sebanyak RM2 500.
 - (ii) Faedah overdraf belum bayar RM590.
 - (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% daripada Akaun Belum Terima.
 - (iv) Faedah pinjaman daripada pekongsi yang perlu dibayar sebanyak RM800.
- (b) Ikatan perjanjian telah menetapkan perkara berikut:
- (i) Faedah atas modal 5% setahun.
 - (ii) Faedah atas ambilan 4% setahun.
 - (iii) Gaji bulanan Kassim adalah RM500 dan Baha adalah RM400.
 - (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
 - (v) Untung dan rugi dibahagikan antara Kassim dan Baha mengikut nisbah 2:3.

Anda dikehendaki :

- | | |
|---|------------|
| (a) Menghitung untung bersih selepas mengambil kira pelarasian. | [7 markah] |
| (b) Menyediakan Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2011 | [6 markah] |
| (c) Menyediakan Akaun Semasa pekongsi (bentuk beruangan). | [7 markah] |

SPM 2014**SOALAN NO.1(d)**

Nyatakan langkah yang perlu dilakukan apabila berlaku pembubaran dalam perkongsian.

[2 markah]

SPM 2015**SOALAN NO.6**

Miza dan Mike berkongsi untung dan rugi mengikut nisbah 2:1. Mereka membuat keputusan untuk membubarkan Perkongsian MiM pada 31 Mei 2015 apabila Miza menubuhkan syarikat perniagaan bersama ahli keluarganya.

Maklumat berikut menunjukkan kedudukan kewangan Perkongsian MiM pada 31 Mei 2015.

RM

Akaun Modal:	
Miza	70 800
Mike	40 000
Akaun Semasa:	
Miza	8 600
Mike	(2 000)
Kenderaan bermotor	60 000
Lengkapan	40 500
Inventori	15 500
Akaun Belum Terima	8 200
Bank	(1 200)
Akaun Belum Bayar	5 600

Maklumat tambahan:

- (i) Aset berikut telah dijual dan hasil jualan dibankkan.

	RM
Kenderaan bermotor	50 000
Inventori	10 200

- (ii) Mike mengambil alih lengkapan dengan harga RM38 000.
 (iii) Miza mengambil alih Akaun Belum Terima dengan harga RM8 000.
 (iv) Kos pembubaran RM800 dan diskau diterima daripada Akaun Belum Bayar adalah RM200.
 (v) Sekiranya berlaku kurangan dalam akaun modal, pekongsi akan menampungnya dengan membawa masuk tunai tambahan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|--------------------------------------|------------|
| (a) Akaun Belum Bayar | [2 markah] |
| (b) Akaun Realisasi | [7 markah] |
| (c) Akaun Modal Pekongsi (beruangan) | [7 markah] |
| (d) Akaun Bank | [4 markah] |

SPM 2016**SOALAN NO.1(e)**

Sekiranya tiada ikatan Perkongsian antara rakan kongsi, maka Akta Perkongsian 1961 adalah terpakai.

Nyatakan dua peruntukan yang terkandung dalam akta berkenaan.

[2 markah]

SPM 2017**SOALAN NO.5(b)**

Ewan dan Eriz ialah pakongsi dalam Perkongsian E&E. Mereka berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 3:2. Ewan memutuskan untuk bekerja di luar negara dan mereka bersetuju untuk membubar perkongsian pada 30 April 2017.

Maklumat perkongsian mereka pada tarikh berkenaan adalah seperti berikut:

	RM
Bangunan	80 000
Lengkapan	10 000
Inventori	6 000
Akaun Belum Terima	12 000
Bank	19 000
Modal:	
Ewan	72 000
Eriz	48 000
Akaun Belum Bayar	7 000

Perkara berikut telah dipersetujui semasa pembubaran perkongsian:

- (i) Lengkapan dan inventori dijual pada harga RM11 000
- (ii) Akaun Belum Terima telah dikutip kecuali RM2 000 yang dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Eriz telah mengambil alih bangunan dengan nilai RM105 000.
- (iv) Akaun Belum Bayar telah dijelaskan dan menerima diskaun RM500.
- (v) Kos perundangan dijelaskan sebanyak RM800.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Realisasi pada tarikh berkenaan.

[8 markah]

SPM 2018**SOALAN NO.2**

Hariz, Lokman dan Jayden adalah pekongsi dalam sebuah perniagaan perkongsian.

Perjanjian Perkongsian membenarkan perkara-perkara berikut:

- Kongsi untung atau rugi diajukan mengikut nisbah 3:1:1
- Faedah atas modal 5% setahun atas baki awal.
- Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
- Faedah atas ambilan 8% setahun.
- Gaji tahunan RM35 000 diperuntukkan kepada Hariz bermula 1 April 2017.

Baki pada 1 Julai 2016:

	Hariz RM	Lokman RM	Jayden RM
Akaun Modal	125 000	125 000	75 000
Akaun Semasa	10 400	6 100 (dt)	3 900
Pinjaman daripada pekongsi (matang 2025)	30 000	-	-

Pada 30 Jun 2017, baki-baki berikut diperoleh daripada buku perkongsian.

	RM
Pinjaman bank berkadar faedah 7% setahun (matang 1 Januari 2018)	60 000
Bank	3 900
Inventori	10 300
Tanah dan bangunan (nilai buku)	240 000
Loji dan peralatan (nilai buku)	182 325
Akaun Belum Bayar	24 975
Akaun Belum Terima	86 250

Maklumat tambahan:

- (i) Ambilan pekongsi menggunakan cek:

Hariz	RM10 000	1 Oktober 2016
	RM10 000	1 Januari 2017

Lokman	RM15 000	1 April 2017
--------	----------	--------------

Jayden	RM12 000	1 Jun 2017
--------	----------	------------

- (ii) Pada 30 Jun 2017, untung bersih adalah RM121 600. Perkara-perkara berikut belum diambil kira semasa pengiraan untung bersih.

- Insurans prabayar RM420.
- Faedah belum bayar:
 - Faedah untuk sebulan bagi pinjaman bank berkadar 7%5 setahun
 - Faedah pinjaman pekongsi akan dikreditkan ke akaun semasa Hariz
- Baki Akaun Belum Terima RM1 800 dianggap sebagai hutang lapuk.

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung untung bersih terselaras bagi tahun berakhir 30 Jun 2017. [5 markah]
- (b) menyediakan:
- (i) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2017. [4 markah]
 - (ii) Akaun Semasa pekongsi [9 markah]
 - (iii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017. [7 markah]

SPM 2019**SOALAN NO.1(e)**

Akaun Modal berikut disediakan semasa pembubaran sebuah perkongsian.

Akaun Modal

Butir	Afiq	Eka	Butir	Afiq	Eka
	RM	RM		RM	RM
Baki b/b	200		Baki b/b		650
Realisasi	140		Akaun Belum Bayar	150	
Bank		800	R	120	150
			S	70	
	340	800			
				340	800

(i) Apakah R?

(ii) Apakah urus niaga yang sesuai bagi S?

[2 markah]

MODUL 14 :
PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD
MENURUT SYER

SPM 2010

SOALAN NO.5

Modal berdaftar Kancil Emas Berhad adalah RM7 000 000 iaitu 1 000 000 unit saham keutamaan 9% bernilai RM2.00 sesaham dan 5 000 000 unit saham biasa RM1.00 sesaham.

Pada 10 Januari 2009, Kancil Emas Berhad telah menerbitkan 500 000 unit saham keutamaan 9% dan 2 000 000 unit saham biasa pada nilai tara. Kesemua saham telah dilanggan dan dibayar penuh semasa permohonan.

Pada 1 Ogos 2009, lembaga pengarah telah mengistiharkan dividen interim pada kadar 5% hanya kepada saham keutamaan.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, lembaga pengarah telah mengistiharkan dividen akhir bagi saham keutamaan dan dividen akhir bagi saham biasa pada kadar 10%.

Anda dikehendaki:

- (a) Mengira:
 - (i) Modal diterbitkan [2 markah]
 - (ii) Dividen akhir Saham Keutamaan [2 markah]
 - (iii) Dividen akhir Saham Biasa [2 markah]
- (b) Menyediakan catatan jurnal bagi merekodkan modal diterbitkan untuk saham keutamaan dan saham biasa (Keterangan tidak diperlukan) [4 markah]
- (c) Jelaskan yang berikut:
 - (i) Dividen interim [1 markah]
 - (ii) Dividen akhir [1 markah]

SPM 2011

SOALAN NO.6

- (a) Modal dibenarkan Syarikat Maju Berhad terdiri daripada 500 000 unit 8% saham keutamaan bernilai RM1.00 sesaham dan 1 000 000 unit saham biasa bernilai RM0.50 sesaham.

Syarikat telah menerbitkan 200 000 unit 8% saham keutamaan dan semua saham biasa pada nilai tara. Semua saham telah dilanggan dan dibayar penuh pada 1 Julai 2011.

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung:
 - (a) Modal dibenarkan [2 markah]
 - (b) Modal diterbitkan [2 markah]
- (ii) Merekodkan terbitan saham ke lejar. [8 markah]

- (b) Pada Disember 2007, Fatim Hafeez Berhad mempunyai modal berbayar sebanyak RM2 600 000, yang terdiri daripada 800 000 unit 4% saham keutamaan bernilai RM2.00 sesaham dan 1 000 000 unit saham biasa RM1.00 sesaham yang terdiri daripada 800 000 unit 4% saham keutamaan bernilai RM2.00 sesaham dan 1 000 000 unit saham biasa RM1.00 sesaham.

Pada akhir tahun kewangan , syarikat telah mengistiharkan untung yang akan diagih kepada pemegang saham seperti berikut:

Tahun	Keuntungan Diagihkan RM
2007	83 600
2008	91 350
2009	50 900
2010	95 000

Anda dikehendaki menghitung dividen Saham Keutamaan dan Saham Biasa bagi tahun 2007 hingga 2010.
[8 markah]

SOALAN NO.4(b)

Wangsa Berhad mempunyai modal berdaftar terdiri daripada 800 000 unit 5% saham keutamaan RM1.00 sesaham dan 100 000 saham biasa RM0.50 sesaham. Semua saham diterbitkan dan berbayar penuh.

Maklumat berikut menunjukkan untung untuk diagihkan sebagai dividen bagi tahun berakhir:

Tahun	Untung Untuk Diagihkan RM
2010	50 000
2011	24 000
2012	65 000

Anda dikehendaki mengira agihan dividen saham keutamaan dan saham biasa bagi tahun 2010, 2011 dan tahun 2012.
[6 markah]

SOALAN NO.1(c)

Daily One Berhad mempunyai modal yang terdiri daripada 100 000 unit 6% saham keutamaan RM2.50 sesaham dan 200 000 unit saham biasa RM2.00 sesaham.

Hitungkan modal dibenarkan.

[2 markah]

SPM 2016**SOALAN NO.5(a)**

Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada buku perakaunan Zainon Berhad.

Zainon Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2013, 2014 dan 2015

<u>Ekuiti Pemilik</u>	<u>RM</u>
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
1 000 000 unit 8% syer keutamaan	2 000 000
4 800 000 unit syer biasa	4 800 000
	<u>6 800 000</u>

Jadual di bawah menunjukkan keuntungan syarikat yang diperuntukkan untuk pembayaran dividen bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2014:

Tahun	Keuntungan (RM)
2013	150 000
2014	314 000

Maklumat tambahan:

- (i) Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 sebanyak RM640 000.
- (ii) Pada 30 Jun 2015, Lembaga Pengarah telah:
 - Mengistiharkan pembayaran dividen interim kepada pemegang syer keutamaan dan 2% kepada pemegang syer biasa.
 - Mencadangkan dividen akhir 7% kepada pemegang syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung agihan dividen antara pemegang syer keutamaan dan pemegang syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2014. [4 markah]
- (b) Menghitung kadar dividen syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. [2 markah]
- (c) Menghitung dividen interim dan dividen akhir bagi tahun berakhir 31 Disember 2015. [4 markah]

MODUL 15 :
PERAKAUNAN UNTUK KELAB
DAN PERSATUAN

SPM 2012

SOALAN NO.1(e)

Kelab memasak Ria memberi maklumat berikut:

Bilangan ahli	150 orang
Yuran tahunan setiap ahli	RM50
Yuran belum terima pada akhir tahun perakaunan	RM250

Hitungkan jumlah yuran tahunan.

[2 markah]

SPM 2012

SOALAN NO.3

Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Kayak Petaling Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Aset dan Liabiliti pada 1 Januari 2012 :

	RM
Bangunan kelab (kos)	50 000
Peralatan kayak (kos)	42 000
Susut nilai terkumpul:	
Bangunan kelab	10 000
Peralatan kayak	18 800
Belanja am prabayar	180
Yuran belum terima	1 250
Inventori minuman	525
Tunai di bank	835
Upah pekerja minuman belum bayar	450
Akaun Belum Bayar minuman	125
Yuran belum terperoleh	1 000

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2012:

Penerimaan:

	RM
Yuran	25 600
Jualan minuman	18 644
Derma untuk pembesaran bangunan kelab	30 000

Pembayaran:

Minuman:	
Belian	6 840
Upah	4 300
Peralatan kayak:	
Belian sepanjang tahun	5 000
Belanja membaiki	2 640
Membaiki bangunan kelab	1 750
Pembesaran bangunan kelab	48 500
Belanja am	4 200

Maklumat tambahan pada 31 Disember 2012:

- (i) Belanja am prabayar RM165.
- (ii) Inventori:
 - Alat tulis RM245
 - Minuman RM575
- (iii) Upah pekerja minuman belum bayar RM465
- (iv) Akaun Belum Bayar minuman RM182
- (v) Belanja am RM4 200 adalah termasuk bayaran berkaitan minuman berjumlah RM1 350
- (vi) Yuran:
 - Belum Terperoleh RM1 200.
 - Belum Terima RM800
- (vii) Susut nilai dikira menggunakan kaedah garis lurus:
 - Bangunan kelab 5% setahun
 - Peralatan 25% setahun

Anda dikehendaki :

- (a) Mengira dana terkumpul pada 1 Januari 2012. Tunjukkan jalan pengiraan dengan jelas. [4 markah]
- (b) Menyediakan akaun berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 2012:
 - (i) Akaun Yuran [6 markah]
 - (ii) Akaun Perdagangan Minuman [6 markah]
 - (iii) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan [7 markah]
- (c) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2012 dengan menunjukkan bahagian Dana terkumpul sahaja [2 markah]

SPM 2014

SOALAN NO.1(e)

Kelab Tenis Putra mempunyai 45 orang ahli pada 31 Disember 2013. Yuran tahunan sebanyak RM120 seorang. Yuran yang telah diterima untuk sepanjang tahun 2013 sebanyak RM5 820.

Akaun Yuran pada 31 Disember 2013 adalah seperti di bawah :

Akaun Yuran

	RM		RM
Yuran belum terima	240	Yuran belum terperoleh	120
Pendapatan dan perbelanjaan	?	Bank	?
Yuran belum terperoleh	360	Yuran belum terima	60

Lengkapkan Akaun Yuran Kelab berkenaan.

[2 markah]

SPM 2016**SOALAN NO.2**

Kelab Kebajikan dan Sukan Ipoh ditubuhkan pada 1 Januari 2015. Dua sumbangan besar telah diterima pada tarikh berkenaan:

Tanah dan bangunan bernilai RM1 800 000 terdiri daripada:

Tanah	RM1 000 000
Bangunan	RM 800 000

Sekeping cek bernilai RM300 000 telah dibankkan.

Maklumat di bawah telah diperoleh:

	RM '000
(i) Penerimaan sehingga 31 Disember 2015 (dibankkan)	
Yuran	306
Sewaan alatan sukan	276
Jualan restoran	938
(ii) Pembayaran 31 Disember 2015 (cek):	
Gaji:	
Pelayan kelab	180
Pekerja restoran	243
Pekerja am kelab	90
Pekerja pembersihan	120
Alatan sukan	300
Belian restoran	405
Kadar bayaran	63
(iii) Belanja terakru pada 31 Disember 2015:	
Belian restoran	15
Kadar bayaran	17
(iv) Baki pada 31 Disember 2015:	
Alatan sukan	250
Akaun Belum Terima sewaan alatan sukan	6
Inventori restoran	5
Akaun Belum Terima restoran	52
Yuran Belum Terima	6
Yuran Belum Terperoleh	3
(v) 80% daripada jumlah kadar bayaran adalah untuk kegunaan restoran	
(vi) Bangunan disusutnilaikan 2% setahun menggunakan kaedah garis lurus	

Anda dikehendaki:

- (a) menyediakan akaun berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 2015:
 - (i) Akaun Bank [3 markah]
 - (ii) Akaun Yuran [3 markah]
 - (iii) Akaun Perdagangan Restoran [4 markah]
 - (iv) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan [8 markah]
- (b) menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015. [7 markah]

SPM 2017**SOALAN NO.1(d)**

Kelab Badminton Taman Sri Setia telah menerima hasil sewaan alatan daripada belia taman berkenaan. Kelab juga mengutip derma untuk membeli peralatan kelab.

Berdasarkan maklumat di atas, lengkapkan jadual berikut:

[2 markah]

Jenis Pendapatan	Contoh
Pendapatan Modal	
Pendapatan Hasil	

SPM 2018**SOALAN NO.1(e)**

Nyatakan bentuk organisasi perniagaan berdasarkan maklumat berikut:

	Penyata Kedudukan Kewangan	Jumlah (RM)	Bentuk Organisasi
(i)	Dibiayai oleh :		
	Dana terkumpul awal	200 000	
	(+) Lebihan	40 000	
		240 000	
(ii)	Dibiayai oleh :		
	Modal awal	200 000	
	(+) Untung bersih	40 000	
		240 000	

[2 markah]

SPM 2019**SOALAN NO.2**

Kelab Seni Kanvas menyediakan maklumat berikut bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.

	1 Julai 2018	30 Jun 2019
	RM	RM
Tunai di bank	18 310	?
Lengkapan (kos)	22 000	27 650
Susut nilai terkumpul kenderaan	9 250	?
Inventori alat-alat seni	3 900	4 200
Insurans prabayar	220	245
Yuran belum terperoleh	3 150	3 850
Yuran belum terima	1 575	1 050
Akaun belum bayar	2 874	2 363

Berikut merupakan senarai penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. Semua urus niaga dibuat melalui akaun bank kelab.

	RM
Penerimaan:	
Yuran masuk seminar	12 770
Derma untuk pembinaan Studio Seni	300 000
Jualan alat-alat seni	34 300
Yuran ahli	150 850
Pembayaran:	
Kontraktor pembinaan Studio Seni	350 000
Lengkapan	5 650
Belanja am	67 460
Penceramah jemputan	2 600
Insurans	2 900
Sewa	38 000
Akaun Belum Bayar	28 961

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Januari 2019, seorang ahli telah menderma sebidang tanah yang bernilai RM75 000 untuk pembinaan Studio Seni yang baru.
- (ii) Pada 30 Jun 2019, Studio Seni dinilaikan pada harga pasaran RM425 000.
- (iii) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 15% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan. Susut nilai dikira berdasarkan tahun perolehan dan tiada pengiraan susut nilai pada tahun pelupusan dibuat.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Penerimaan dan Pembayaran. [4 markah]
- (b) Akaun Yuran Ahli. [4 markah]
- (c) Akaun Perdagangan Kedai Alat-alat Seni bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [4 markah]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [6 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019. [7 markah]

MODUL 16 : PERAKAUNAN KOS

SPM 2011

SOALAN NO.1(e)

Kelaskan belanja berikut kepada komponen kos pengeluaran.

[2 markah]

Kos	Komponen Kos Pengeluaran
Upah operator pengeluaran	
Gaji penyelia kilang	

SPM 2012

SOALAN NO.3

Encik Amirul ialah pemilik kilang pemasangan bas sekolah. Imbangan Duga pada 31 Ogos 2012 adalah seperti berikut:

	Debit RM '000	Kredit RM '000
Modal		25 000
Inventori pada 1 September 2011:		
Bahan langsung	4 500	
Kerja dalam proses	1 750	
Barang siap	2 100	
Jualan		78 308
Belian:		
Bahan langsung	27 070	
Bahan tak langsung	1 546	
Pulangan bahan langsung		21
Belian alat-alat kecil	250	
Upah langsung	21 647	
Upah tak langsung	3 621	
Gaji pentadbiran kilang	1 250	
Gaji penyelia kilang	950	
Peralatan (kos)	19 500	
Kenderaan (kos)	1 200	
Alat-alat kecil pada 1 September 2011	700	
Susut nilai terkumpul pada 1 September 2011:		
Peralatan		8 500
Kenderaan		450
Elektrik	690	
Belanja pentadbiran pejabat	1 538	
Sewa	2 350	
Insurans	125	
Belanja penyenggaraan kenderaan	350	
Belanja membaiki kenderaan	590	
Hutang lapuk	20	
Ambilan	2 400	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	11 472	5 250
Bank	11 910	

117 529	117 529
---------	---------

Maklumat tambahan:

	RM '000
(i) Upah langsung belum bayar	748
(ii) Sewa belum bayar	250
(iii) Insurans prabayar	15
(iv) Inventori pada 31 Ogos 2012:	
- Bahan langsung	4 650
- Kerja dalam proses	1 825
- Barang siap	2 175
(v) Susut nilai diperuntukkan seperti berikut:	
- Peralatan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan	
- Kenderaan 25% setahun atas kos	
- Pada 31 Ogos 2012 alat-alat kecil dinilaikan semula sebanyak RM600	
(vi) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah seperti berikut:	
	Kilang
	%
Elektrik	90
Sewa	75
Insurans	80
Belanja penyenggaraan kenderaan	20
Susut nilai kenderaan	20
Belanja membaiki peralatan	90
Susut nilai peralatan	90
	Pejabat
	%
Elektrik	10
Sewa	25
Insurans	20
Belanja penyenggaraan kenderaan	80
Susut nilai kenderaan	80
Belanja membaiki peralatan	10
Susut nilai peralatan	10

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2012.
 (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2012.

[22 markah]
 [3 markah]

SPM 2014**SOALAN NO.3**

Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Adli pada 30 September 2014.

	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Oktober 2013		120 000
Inventori pada 1 Oktober 2013:		
Bahan langsung	9 000	
Kerja dalam proses	12 500	
Barang siap	7 600	
Alat-alat kecil	750	
Mesin (Kos)	112 000	
Susut nilai terkumpul mesin		42 000
Belian bahan langsung	155 000	
Jualan		560 000
Sewa	30 000	
Belanja kenderaan	62 000	
Elektrik	22 500	
Belanja membaiki mesin	9 500	
Belian alat-alat kecil	5 000	
Belanja pentadbiran	43 900	
Upah:		
Langsung	123 500	
Tak langsung	27 800	
Gaji	45 000	
Belanja jurujual	11 230	
Akaun Belum Terima	57 500	
Akaun Belum Bayar		20 640
Bank	7 860	
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	742 640	742 640

Maklumat tambahan 30 September 2014:

		RM
(i)	Inventori:	
	Bahan langsung	9 750
	Kerja dalam proses	11 600
	Barang siap	12 350
	Alat-alat kecil	800
(ii)	Belum Bayar:	
	Upah langsung	2 120
	Upah tak langsung	640
(iii)	Sewa prabayar	2 400
(iv)	Susut nilai mesin adalah 10% setahun atas kos	
(v)	Pembahagian perbelanjaan	
		Kilang (%) Pejabat (%)
	Sewa	75 25
	Belanja kenderaan	60 40
	Elektrik	90 10
	Belanja membaiki mesin	90 10
	Gaji	40 60

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan akaun yang berikut pada 30 September 2014:
 (i) Akaun Pengeluaran [17 markah]
 (ii) Akaun Perdagangan [4 markah]
- (b) Mengira perkara berikut sekiranya perniagaan Adli telah mengeluarkan sebanyak 200 000 unit barang dan telah menjual sebanyak 150 000 unit sehingga tarikh tersebut.
 (i) Kos berubah seunit [2 markah]
 (ii) Harga jualan seunit [2 markah]

SPM 2015**SOALAN NO.4**

Hijrah Enterprise pengeluar minuman kesihatan di Shah Alam bercadang untuk mengeluarkan produk baharu berdasarkan susu kambing berjenama G-Energy. Harga jualan satu paket minuman berkenaan ialah RM3.00.

Anggaran kos pengeluaran produk berkenaan adalah seperti berikut:

	RM
Susut nilai mesin	1 200
Sewa kilang	800
Susu kambing segar	1.00 satu paket
Madu	0.40 satu paket
Serbuk coklat	0.30 satu paket
Lain-lain bahan	0.10 satu paket
Upah langsung	0.70 satu paket


Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung:
 (i) Margin caruman seunit [2 markah]
 (ii) Titik Pulang Modal [2 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan anda di 4(a), lukis graf Titik Pulang Modal pada kertas graf dengan menggunakan skala yang sesuai. Anda perlu:
 (i) Labelkan semua garisan pada graf [6 markah]
 (ii) Tunjukkan Titik Pulang Modal [3 markah]
 (iii) Lorekkan kawasan untung dan rugi [2 markah]
- (c) Hitung keuntungan yang diperoleh sekiranya Hijrah Enterprise mensasarkan pengeluaran sebanyak 14 000 paket G-Energy dengan kos pengiklanan RM700. [3 markah]
- (d) Nyatakan fungsi titik pulang modal kepada pengeluar. [2 markah]

SPM 2016**SOALAN NO.1(d)**

Namakan garisan X dan garisan Y dalam Graf Titik Pulang Modal di bawah.

[2 markah]



SPM 2016**SOALAN NO.4**

Encik Azman, pemilik Azman Enterprise adalah pengeluar biskut tradisional. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Azman Enterprise bagi tahun berakhir 30 Disember 2015.

	RM
Inventori 1 Januari 2015:	
Bahan langsung	7 810
Alat-alat kecil	210
Alat tulis	140
Kerja dalam proses 1 Januari 2015:	
Buruh langsung	1 980
Overhead	2 022
Bahan langsung	1 510
Belian bahan langsung	48 123
Pulangan belian bahan langsung	280
Angkutan masuk	300
Buruh langsung	10 880
Royalti	5 000
Gaji penyelia kilang	3 121
Kadar bayaran	1 400
Belian alat-alat kecil	740
Belian alat tulis	350
Angkutan keluar	125
Diskaun diberi	330
Komisen jualan	1 050
Iklan	500
Bank	38 108
Modal	50 000
Mesin (kos)	21 000
Jualan barang siap	95 700
Susut nilai terkumpul mesin	3 990

Maklumat tambahan:

	RM
(i) Inventori 31 Disember 2015:	
Bahan langsung	6 030
Alat-alat Kecil	180
Alat Tulis	150
(ii) Kerja dalam proses 31 Disember 2015:	
Buruh langsung	1 750
Overhead	1 925
Bahan langsung	1 230
(iii) Mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.	
(iv) Kadar bayaran dibahagikan antara kilang 70% dan pejabat 30%.	

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Akaun Alat-alat Kecil. [3 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2015. [14 markah]
- (c) Menghitung Margin Untung Kasar. [3 markah]

SPM 2017**SOALAN NO.1(a)**

Kos pengeluaran terdiri daripada beberapa komponen kos.

Nyatakan komponen kos bagi yang berikut:

- (i) Gaji penyelia stor
- (ii) Duti import bahan

[2 markah]

SPM 2018**SOALAN NO.3**

Wani seorang pengilang. Beliau juga membeli barang siap untuk dijual semula.

Berikut adalah baki-baki pada 30 September 2018 yang telah diperoleh daripada buku perakaunan Wani.

	RM
Angkutan masuk bahan langsung	1 690
Upah buruh langsung	63 860
Belanja am	20 410
Belian alat-alat kilang	2 250
Mesin (kos)	62 200
Susut nilai terkumpul mesin	26 100
Pulangan belian barang siap	1 090
Belian barang siap	18 450
Belian bahan langsung	132 340
Jualan	312 255
Royalti	2 875

	1 Oktober 2017 RM	30 September 2018 RM
Inventori:		
Barang siap yang dibeli	1 905	1 860
Barang siap yang dikilang	38 625	39 420
Bahan langsung	18 600	19 420
Kerja dalam proses	11 240	13 590
Alat-alat kilang pada harga penilaian	6 300	6 100

Maklumat tambahan pada 30 September 2018:

- (i) Belanja am prabayar RM210.
- (ii) Angkutan masuk belum bayar RM620.
- (iii) Susut nilai adalah pada kadar 25% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Susut nilai dikira penuh setahun pada tahun pembelian dan tiada susut nilai dalam tahun pelupusan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Alat-alat kilang bagi menunjukkan amaun yang dipindahkan ke Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2018. Imbangkan akaun pada tarikh ini dan tunjukkan baki pada 1 Oktober 2018. [5 markah]
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2018. [13 markah]
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 September 2018. [7 markah]